

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**MESYUARAT KETIGA**  
*Third Meeting*

---

**Jilid II**

**Bil. 26**

**Hari Isnin**

**16hb. Disember 1996**

---

**K A N D U N G A N**

**MENGANGKAT SUMPAH**

- YB Dato' Chet Singh s/o Karam Singh
- YB Dato' Haji Ahmad b. Ismail
- YB Dr. Yeo Seng Huat

(Ruangan )

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Mengalu-alukan Ahli Baru
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Ruangan )

(Ruangan )

**URUSAN MESYUARAT**

(Ruangan )

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996
- Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)  
(Pindaan) 1996

(Ruangan )

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEMBILAN  
Penggali Yang Kedua  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin, A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

**DEWAN NEGARA**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  Haji Suhor bin Husin

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 16hb. Disember, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Y.B. Dato' Chet Singh s/o Karam Singh
2. Y.B. Dato' Haji Ahmad bin Ismail
3. Y.B. Dr. Yeow Seng Huat

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan Selamat Datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap Ahli-ahli yang baru dipilih dan dipilih semula itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“12hb. Disember, 1996

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT  
KEPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1997.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

**URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT**  
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**AJARAN SESAT PENGIKUT SYIAH DAN ANTI HADIS**  
**- USAHA MEMBANTERAS**

1. **Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membanteras ajaran sesat, khususnya pengikut Syiah dan anti-hadis.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani masalah ajaran sesat Syiah dan Anti Hadis, kerajaan sedang mengambil langkah-langkah perlu seperti berikut:-

- (i) Mengubahsuai dan mengemaskinikan peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri selaras dengan keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bahawa takrif agama Islam yang diamalkan di negara ini ialah agama Islam pegangan Ahlul Sunnah Wal Jamaah.
- (ii) menguatkuasakan peruntukan undang-undang, mencegah ceramah tanpa tauliah, menapis media cetak dan elektronik dan menapis penceramah luar, memberi taklimat khas dan penjelasan mengenai penyelewengan kedua-dua ajaran tersebut kepada para pegawai kerajaan di dalam dan luar negeri, pemimpin masyarakat dan pendedahan kepada masyarakat umum melalui media cetak dan elektronik; dan untuk jangka panjang, mengemaskinikan kurikulum pendidikan agama Islam di Malaysia.



**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mendengar sebentar tadi pihak kementerian telah mengatakan bahawa langkah-langkah yang telah dibuat untuk mengatasi masalah syiah yang telah berlaku di dalam negara ini. Soalan tambahannya ialah mereka yang telah pun kembali semula dan telah pun dapat dikesan oleh pihak yang berwajib mengenai syiah ataupun al-Arqam ini, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, apakah peranan IKIM (Institut Kefahaman Islam Malaysia) dalam menentukan bahawa mereka yang telah dapat dikesan ini telah pun diberi kefahaman yang sewajarnya dan tidak akan kembali semula kepada jalan-jalan yang tidak diredai oleh Allah.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai Arqam, sebagaimana kita maklum, bahawa memang beberapa aktiviti telah kita jalankan untuk memberi kesedaran kepada mereka supaya mereka kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Beberapa perjumpaan, kursus dan juga penerangan kepada mereka telah diadakan, bahkan, insya-Allah, pada tahun hadapan seramai 2,000 orang lagi yang telah disenaraikan sebagai pengikut-pengikut bekas Arqam, kita akan memberi penerangan kepada mereka. Berhubung dengan IKIM, IKIM adalah merupakan satu badan agama Islam yang bebas untuk mencari penyelesaian ataupun mengumpulkan ulama-ulama ataupun pakar-pakar ugama, membincangkan perkara-perkara khusus dan perkara umum untuk dijelaskan kepada kita semua.

Apa sahaja perkara yang kita hendak bangkitkan, kadangkala kita meminta kepada IKIM supaya mengadakan seminar ataupun perjumpaan dengan ulama-ulama besar bagi menentukan cara-cara dan jalan yang lebih baik dalam semua bidang untuk dilaksanakan di negara kita.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah kes anti-hadis dan ajaran sesat seluruh negara sepanjang tahun 1996 dan sejauh manakah keberkesanan tindakan yang telah diambil?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, ajaran sesat ini kadangkala mengurang ataupun bertambah. Tetapi hakikatnya, kebanyakannya ajaran sesat yang dahulu telah banyak tidak ada lagi di negara kita, hanya ada beberapa ajaran lagi yang masih ada di negara kita dan kita sentiasa mengambil tindakan bagi menghapuskan mereka. Bilangan sebenarnya tidak menentu, kadangkala 49 dan kadangkala 50. Kalau yang kita dapat baru, kadangkala benda yang sama tetapi caranya sedikit berlainan, jadi, kita tidak dapat menentukan apakah itu ajaran sesat yang sebenar.

Tindakan yang kita buat, memanglah kita sentiasa mengambil perhatian yang berat, memberikan penjelasan kepada mereka yang terlibat dan kita menahan mana-mana mereka yang jelas terlibat dengan ajaran sesat dan kita memberikan penjelasan kepada mereka mengenai kesilapan-kesilapan yang mereka lakukan. Insya-Allah, saya percaya apabila kita sentiasa mengambil tindakan sedemikian rupa, maka ajaran sesat di negara kita ini dapat dikurangkan dari masa ke semasa.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah jenis ajaran sesat yang ada dalam syiah dan anti-hadis dan perkara sesat ini sudah lama dipercakapkan dan pihak kerajaan telah menjawab dan setakat hari ini, apakah tindakan-tindakan yang telah dapat diambil oleh kerajaan terhadap pengembang-pengembang tersebut, sama ada dalam negeri atau dari luar negeri.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, pengembang dari luar negeri, kalau kita mendapat laporan yang bertentangan dengan kehendak Islam yang

sebenar, mirip kepada fahaman yang berlainan dengan Ahlul Sunnah Wal Jamaah, kita akan mengambil tindakan supaya melalui Kementerian Dalam Negeri ataupun Imigresen membatalkan lawatan mereka ke negara kita dan di hantar mereka balik ke negara masing-masing.

Selainnya, sebenarnya fahaman syiah di negara kita ini, mereka tidak memberi penjelasan secara terbuka. Mereka banyak membuat perkara dengan secara senyap-senyap. Jadi, kadangkala kita tidak dapat hendak melihat dengan sebenarnya apakah perkara yang dibawa oleh mereka. Sebab itu kita memberi penjelasan dan meminta orang ramai, kalau ada perkara yang dibawa oleh mereka bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar dan mirip kepada syiah, kita meminta mereka membuat aduan kepada kita dan kita akan membuat siasatan. Setakat ini, memang perkara itu tidak kelihatan secara jelas, kerana kalau ada pun mereka hanya membuat secara senyap-senyap.

Mengenai anti-hadis, memang jelas, memang ada di antara mereka yang terus tidak hendak berpegang kepada hadis, sedangkan kalau tidak ada hadis, kita tidak dapat penjelasan yang terang mengenai al-Quran, sebab itulah kalau kita tidak berpegang kepada hadis, bererti kita tidak beriman. Apabila kita tidak beriman, ini merupakan orang yang terkeluar daripada agama Islam dan mereka adalah sesat. Sekian, terima kasih.

#### **PELAJAR-PELAJAR RABUN - BANTUAN OLEH KERAJAAN**

**2. Tuan Tan Kok Kwan** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada terdapat ramai pelajar sekolah rendah yang mempunyai penglihatan yang kurang baik. Adakah Kementerian Kesihatan membuat sebarang peruntukan untuk mereka ini diperiksa oleh pakar mata di hospital-hospital kerajaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat Kementerian Kesihatan melalui perkhidmatan kesihatan sekolah mengenai masalah penglihatan, terdapat di kalangan 1.7% murid-murid Tahun Satu dan 3.8% di kalangan murid-murid Tahun Enam. Kementerian Kesihatan menyediakan kemudahan merujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti pakar mata di hospital kerajaan bagi kes-kes yang memerlukan tindakan susulan.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian menjalankan kajian untuk mencari punca dan sebab yang menjadikan penglihatan pelajar-pelajar sekolah ini kurang baik?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada pelbagai punca yang antaranya ialah keadaan keluarga di mana kalau tidak ada kemudahan-kemudahan yang sesuai dan elok seperti lampu yang cerah dan sebagainya, memang itu akan menjejaskan daya penglihatan pelajar-pelajar. Selain dari itu, kita juga mempunyai punca-punca yang lain seperti punca-punca yang berdasarkan kepada organic, dengan izin, yang memerlukan perkhidmatan pakar mata.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya masih ingat dalam masa lampau pihak kementerian mewujudkan pelbagai bidang perkhidmatan kesihatan menerusi lawatan ke sekolah-sekolah bagi menentukan kemungkinan wujudnya dengan izin, correlation atau kaitan antara profail kesihatan murid dengan tahap pencapaian dari segi pendidikan.

Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah sekarang ini pihak kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti ini iaitu membuat lawatan khusus bagi mengkaji kesihatan pelajar-pelajar terutama di luar bandar, termasuklah gigi, cermin mata dan diet, zat-zat makanan dan sebagainya, selepas itu membuat kajian pula mengenai kaitannya dengan pencapaian pendidikan yang dicapai oleh sekolah-sekolah luar bandar ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya memang ada kajian tersebut telah dilaksanakan oleh pihak sekolah dengan kerjasama klinik-klinik kesihatan yang berdekatan. Kementerian Pendidikan pada dasarnya melaksanakan satu kajian apabila pelajar itu memasuki sekolah di tahap tahun pertama. Profail itu akan menjadi based line untuk Kementerian Pendidikan dan selepas itu kita akan melaksanakan

kajian atau pihak sekolah berkerjasama dengan klinik atau hospital yang berdekatan untuk melaksanakan kajian tersebut sekiranya perlu, khususnya kalau guru-guru mendapati ada sekumpulan pelajar-pelajar yang memerlukan perkhidmatan untuk menentukan status kesihatan seperti daya penglihatan, zat makanan dan sebagainya. Itu kita ada garis panduan untuk membolehkan guru-guru dan guru besar bekerjasama dengan klinik yang berdekatan untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Pendidikan mempunyai satu skim khas, maksud saya untuk memberi bantuan kepada anak-anak yang mengalami penggunaan cermin mata di mana kadang-kadang ia memakan masa 6 bulan sudah diganti atau kadang-kadang 12 bulan terpaksa diganti. Jadi, saya rasa terdapat murid-murid di bahagian pedalaman, di seluruh negara yang sering mengganti cermin mata mereka di mana kos cermin mata sahaja kadang-kadang tidak kurang daripada RM100. Jadi, adakah Kementerian Pendidikan mempunyai satu peruntukan khas sama ada bantuan khas kepada murid-murid yang tidak mampu untuk mengganti cermin mata mereka ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan menasihatkan pihak-pihak sekolah supaya bekerjasama dengan PIBG mewujudkan tabung-tabung untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan pertolongan dalam segi ini. Kementerian Pendidikan sebagai bantuan kepada sekolah memang kita sediakan kemudahan kepada sekolah di mana peperiksaan seperti ini boleh dilaksanakan. Tetapi Kementerian Pendidikan tidak ada peruntukan khas untuk menolong pelajar-pelajar, membeli cermin mata atau memberi kemudahan-kemudahan peralatan yang lain itu. Dalam konteks ini kita juga sedar tentang kesulitan

yang dihadapi oleh pelajar-pelajar khususnya mereka yang miskin. Dalam konteks ini juga kita perlukan kerjasama, sokongan dari pihak PIBG dalam kes-kes seperti ini supaya pertolongan boleh didapati dan Kementerian Pendidikan juga selalu bekerjasama dengan pihak agensi-agensi yang lain seperti pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat dan juga NGO-NGO yang ada kepakaran dalam bidang tersebut supaya kutipan-kutipan atau tabung-tabung agensi tersebut boleh digunakan dalam konteks bantuan kepada pelajar-pelajar.

### **KEMPEN INFLASI SIFAR - KESAN DIPEROLEHI**

**3. Tuan Haji Othman bin Yunus** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah kesan Kempen Inflasi Sifar yang diusahakan oleh pihak kerajaan sehingga akhir tahun 1996.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, Kempen Inflasi Sifar telah berjaya dalam objektifnya iaitu menyebarkan para pengguna dan peniaga berkenaan dengan kesan buruk kenaikan kadar inflasi yang tidak terkawal. Kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap kempen tersebut telah menunjukkan bahawa sebanyak 90% responden telah maklum mengenai kempen tersebut dan menyokong tindakan kerajaan untuk membendung inflasi.

Kempen Inflasi Sifar serta langkah-langkah dasar kewangan dan dasar fiskal yang dilaksanakan oleh kerajaan telah dapat mengawal kadar inflasi di negara ini pada paras yang rendah iaitu di bawah 4% setahun untuk beberapa tahun kebelakangan ini, iaitu 3.7% pada tahun 1994; 3.4% pada tahun 1995 dan 3.5% untuk 10 bulan pertama tahun 1996.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah usaha Kempen Inflasi Sifar yang telah dijalankan oleh pihak kementerian ini pada keseluruhannya mendapat kejayaan yang diharapkan, terutama sekali di tempat-tempat pedalaman seperti kampung-kampung baru, kampung-kampung dan juga di bandar-bandar yang kecil.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasa kementerian ini selalu menjalankan pemeriksaan bukan sahaja di bandar, tetapi di kawasan-kawasan pedalaman dan sesiapa peniaga yang tidak mematuhi peraturan atau akta-akta kementerian ini, mereka akan diambil tindakan. Di samping itu, sebanyak 21 jenis barangan keperluan telah dijatuhkan sebagai barang kawalan dan peniaga diwajibkan meletakkan harga kepada semua barangan yang dipamerkan untuk penjualan. Dengan langkah-langkah ini pengguna-pengguna di dalam kawasan pedalaman bolehlah memperoleh harga barangan-barangan keperluan dengan berpatutan.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu salah satu sebab inflasi tinggi ialah kerana penggunaan barang import. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan kerajaan untuk mengurangkan penggunaan barang import untuk tindakan mengurangkan inflasi?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, jika barang-barang keperluan atau barang-barang yang lain terdapat kekurangan di pasaran barulah kerajaan membenarkan pengimportan dari negara-negara asing dan kementerian ini sentiasa mengadakan dialog ataupun perjumpaan dengan pengeluar atau pengilang untuk memastikan bahawa bekalan yang mencukupi dan harga barang berpatutan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semua angka-angka ini bagus belaka, kita mendengar pun seronok, inflasi sifar turun, tetapi yang penting sekali apa yang berlaku di pasar, di mini market, dengan izin, di supermarket di mana harga-harga sekarang ini melambung tinggi. Kita tidak peduli berkenaan dengan harga motokar Mercedes dan sebagainya, kita pentingkan kepada pengguna-pengguna di peringkat bawah ini, khususnya isteri-isteri yang pergi membeli-belah di pasar-pasar raya mendapati harga susu pun sudah naik, walaupun dikatakan kawalan, tetapi sudah naik.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan memikir untuk membanci di pasar-pasar dan di kedai-kedai ini, isteri-isteri, suami-suami yang selalu pergi ke pasar dan selalu membeli-belah, jangan mengambil orang yang jarang-jarang pergi ke pasar kerana mereka tidak tahu harga. Yang Berhormat tidak tahu. Saya tahu sebab saya selalu pergi ke pasar, saya tengok harga susu, harga teh, harga beras dan tanya juga harga tepung, saya tengok barang-barang keperluan ini sudah naik harganya, jadi inflasi sifar ini tidak memberi makna khususnya kepada orang-orang di kampung-kampung.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya barangan keperluan harian seperti tepung, susu dan lain-lain tidak naik harga kerana harga barangan ini adalah dikawal oleh kementerian. Memang ada benarnya kenaikan harga ikan, sayur-sayuran berlaku. Ini tidak boleh dinafikan tetapi kenaikan harga ini oleh kerana faktor cuaca atau kekurangan tangkapan ikan. Jadi, inilah berlaku kenaikan harga ikan dan sayur-sayuran.



Namun demikian, kementerian ini telah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian supaya langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Saya harap semua pengguna, peniaga, pengeluar dan agensi-agensi kerajaan akan bekerjasama untuk menjayakan Kempen Inflasi Sifar.

#### **AKTA PENJAGAAN KANAK-KANAK 1996 - PINDAAN**

4. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah pindaan kepada Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1966 (Guardianship of Infants Act 1966) akan diimplementasikan, berkenaan dengan ibu membuat permohonan bagi anak untuk pasport dan sebagainya?

#### **Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri. Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk meminda peraturan permohonan pasport bagi anak di bawah umur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen hanya akan meluluskan permohonan pasport Malaysia bagi anak di bawah umur 18 tahun setelah mendapat kebenaran atau izin daripada bapa yang sah sahaja. Permohonan yang dibuat oleh ibu kanak-kanak hanya akan diluluskan atas sebab-sebab seperti berikut:

- (i) Bapa telah meninggal dunia. Permohonan hendaklah disertakan dengan surat sijil kematian bapa.
- (ii) Ibu bapa telah bercerai. Permohonan bagi orang-orang Islam, surat pengesahan mengenai hak penjagaan kanak-kanak dari Mahkamah Syariah hendaklah dikemukakan sementara permohonan dari orang-orang yang bukan Islam, surat pengesahan penjagaan kanak-kanak dari Mahkamah Sivil.

- (iii) Kehilangan bapa yang tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan laporan polis, surat akuan sumpah dan bukti-bukti sah telah dibuat seperti keratan akhbar dan sebagainya.
- (iv) Ibu tunggal atau 'single parent', dengan izin. Kanak-kanak yang dilahirkan tidak mempunyai bapa yang sah, kelahiran luar nikah di mana tiada butir-butir bapa tercatat di dalam pendaftaran surat beranak. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menyatakan surat beranak kanak-kanak berkenaan. Bagi wanita yang tidak berkahwin tetapi mengambil anak angkat, permohonan hendaklah disertakan dengan surat beranak asal dan surat beranak angkat. Sekiranya kanak-kanak berkenaan diambil melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, surat pengesahan dari jabatan berkenaan hendaklah disertakan.

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil. Mengambil pasport dan sebagainya ini perlu diberi keutamaan kepada ibu bapa. Ini adalah kerana untuk melahirkan seorang anak, memerlukan dua insan. *[Ketawa]* Kalau ibu bapa dia sudah bercerai, mereka tidak tahu ke mana dia pergi, hendak cari di mana? Kalau macam ini, berilah peluang kepada ibu, kalau tidak ada ibu bagaimana boleh beranak? *[Ketawa]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, nampak Yang Berhormat ini cengir sedikit. *[Ketawa]* Soalan Yang Berhormat kalaulah bercerai, memang dibolehkan dengan mengemukakan surat cerai dan juga surat dari mahkamah. Kalau orang Islam - surat Mahkamah Syariah, kalau bukan Islam - surat Mahkamah Sivil, siapa yang sebenarnya mendapat hak penjagaan kanak-kanak berkenaan. Jadi, jawapan lain yang

meminta kedua-dua sekali dibenarkan membuat pasport, kerajaan belum membuat keputusan dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana yang tidak dapat bercerai dalam masa yang singkat, yang gantung tidak bertali ini dan anak dia hendak pergi luar negeri untuk belajar? Bapa dia tidak tahu di mana, bagaimana hendak mengatasi masalah yang Mahkamah Syariah sekarang ini banyak melambat-lambatkan untuk kaum wanita hendak minta cerai ataupun kaum lelaki hendak minta cerai, itu senang ajelah, talak satu [*Ketawa*] talak dua, talak tiga.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Soalan datang dari dua orang, dua-dua orang cengir [*Ketawa*] Seperti yang disoalkan oleh Yang Berhormat tadi, kalau bapa itu tidak tahu di mana, jadi kelonggaran diberi di mana kalau boleh disahkan bahawa bapa itu tidak dapat dikesan. Maka, boleh Jabatan Imigresen mengeluarkan cuma bukti sah mengatakan bapa tidak boleh dikesan, saya ingat paling dekat ialah wakil-wakil rakyat boleh mengesahkan.

#### **PROGRAM UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DI SABAH**

5. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) apakah rancangan dan program yang khusus oleh Kerajaan Pusat untuk membasmi kemiskinan di Sabah memandangkan tahap kemiskinan masih di paras 28% dan yang tertinggi di Malaysia; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai program untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung di Sabah? Jika ya, berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk tahun 1997.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah menjadi matlamat kerajaan pada tahun 2000, kadar golongan miskin di Sabah akan diturunkan 20% daripada 29% dalam tahun 1995. Pada masa yang sama, kadar kemiskinan golongan yang termiskin akan dikurangkan kepada 3% yang akan hanya meliputi 12,600 keluarga.

Untuk itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan akan memberi fokus terutama kepada program-program untuk golongan termiskin dan menggubal strategi-strategi berasaskan kepada prinsip-prinsip excellerization focus dan intregation, dengan izin. Antaranya ialah menyediakan satu pakej yang komprehensif untuk negeri Sabah yang berteraskan kepada pembangunan kawasan dan pembangunan masyarakat secara total.

Sebagai menggerakkan tindakan ke arah ini, kerajaan Persekutuan telah melaksanakan Program Pembangunan Masyarakat Setempat, Penempatan Semula Kampung melalui konsep pertubuhan desa dan penempatan semula kampung tradisional. Program ini dilengkapi dengan penyediaan asas ekonomi dan kejuruteraan sosial.

- (b) Kementerian ini sememangnya mempunyai program untuk menaikkan taraf jalan kampung di negeri Sabah sebagaimana negeri-negeri lain di seluruh negara. Bagi tahun 1997, peruntukan sebanyak lebih kurang RM15 juta akan disediakan kepada negeri berkenaan.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkan pihak kementerian menyatakan berapakah peratus tahap kemiskinan sebelum Barisan Nasional memerintah di negeri Sabah? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa itu memerlukan notis.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Ya.

### **MOTORSIKAL NASIONAL KRIS - BILANGAN PENGEDAR BUMIPUTERA**

6. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bilangan syarikat bumiputera yang ingin menjadi pengedar Motorsikal Nasional Kris?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**[Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan syarikat bumiputera yang telah mengemukakan permohonan kepada Edaran Modenas Sendirian Berhad (EMOS) untuk menjadi pengedar Motorsikal Nasional Modenas Kris adalah sebanyak 300 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 40 syarikat bumiputera atau 33.6% telah dilantik sebagai pengedar. Sementara 79 buah syarikat yang merupakan 66.4% pula bukan bumiputera. Menjadikan jumlah keseluruhan syarikat yang telah dilantik oleh EMOS adalah sebanyak 119 buah syarikat.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi motorsikal, sekarang kereta pula. Adakah lesen pengedar kereta nasional seperti Proton, Kancil, Satria dan sebagainya, masih terbuka untuk dimohon oleh semua kaum? Sekian, terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Soalan tadi motorsikal, sekarang kereta sudah lari daripada soalan asal. Tuan Yang di-Pertua, tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh jawab, jawablah. *[Ketawa]* Kalau ada berkaitan.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Sebenarnya dasar kerajaan begitu konsisten daripada dulu dan sekiranya syarat-syarat dipenuhi, memang bererti juga diberikan kepada bumiputera seperti dasar-dasar lain tetapi yang ditegaskan di sini seperti juga dalam soalan motorsikal tadi, syarat-syarat yang ditetapkan harus dipenuhi dahulu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyebut ada 300 permohonan, dan daripada 300 itu hanya 40, iaitu 33.6% adalah permohonan daripada bumiputera, dan 79 bukan bumiputera, iaitu 66.4%. Mengapakah hanya 40 bumiputera dilulus, tidak lebih daripada itu. Adakah tidak memenuhi syarat, dan kalau tidak memenuhi syarat, apakah rancangan kerajaan untuk membanyakkan pengedar bumiputera?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, EMOS tidak dapat mendaftarkan lebih banyak syarikat bumiputera sebagai pengedar buat masa ini disebabkan kebanyakan daripadanya tidak dapat menyediakan bilik pameran, sewaktu Modenas Kris dilancarkan. Di samping itu juga, kelengkapan seperti after sale services dan beberapa kemudahan serta peralatan lain adalah diperlukan untuk menjadikan pengedar kereta.

Walau bagaimanapun, dalam jangka masa sebulan, semasa Modenas Kris melancarkan motosikal nasional ini, hanya tiga sahaja syarikat bumiputera yang telah dilantik, tetapi dalam masa sebulan jumlah ini telah meningkat kepada 40. Maka jumlah pun sudah naik dalam masa sebulan kepada 10 kali ganda. Ini satu peningkatan yang amat membanggakan. Kementerian sentiasa membantu dari segi kemudahan-kemudahan bukan sebagai pengedar, kerana tanggungjawab kementerian adalah untuk mengawal

selia dan untuk memastikan bahawa dasar-dasar ditetapkan. Tetapi dari segi syarat, ini adalah di tangan Syarikat Modenas itu sendiri.

Satu cara untuk kementerian membantu ialah melalui program rantaian di bawah agensi pembangunan industri kecil dan sederhana, di mana kita sekarang ini sedang memastikan bahawa ramai vendor atau syarikat-syarikat kecil dan sederhana dapat menjadi pembekal kepada syarikat dan industri motosikal ini.

#### **PROGRAM TV, FILEM DAN VIDEO - GARIS PANDUAN DAN SYARAT PENAPISAN**

7. **Tuan Tan Soon Lee** minta Menteri Penerangan menyatakan garis panduan dan syarat penapisan program televisyen serta filem dan video.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesuatu rancangan itu disiarkan dalam televisyen ia hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Bagi rancangan-rancangan terbitan stesen penyiaran itu sendiri, diwajibkan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam garis panduan penyiaran. Manakala bagi rancangan-rancangan berbentuk filem atau video daripada dalam dan luar negeri diwajibkan lulus tapisan Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri dan seterusnya tapisan dalaman RTM.

Antara perkara-perkara yang ditekankan dalam penapisan ialah rancangan-rancangan itu hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur keselamatan, ganas, seks dan yang bertentangan dengan budaya rakyat di negara ini.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soal penapisan filem-filem yang ditapis oleh pihak TV, adakah ASTRO dan Mega

TV juga melalui tapisan ini, kerana saya melihat video muzik yang ditayangkan ataupun yang diperdengarkan dalam rancangan ASTRO nampaknya ada artis-artis yang ditayangkan itu, pakaian-pakaian yang tidak sepatutnya ditayangkan di TV.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Puan Mastika telah dilantik selaku Ketua Pergerakan Wanita Perlis. Untuk menjawab soalan yang telah dibangkitkan, sememangnya ada tapisan. Kita ada empat peringkat tapisan untuk ASTRO. Yang pertama, iaitu mengenai dengan menerusi Lembaga Penapisan Filem seperti yang dinyatakan, di mana pihak Kementerian Dalam Negeri yang selalu dipertanggungjawabkan akan menapis filem-filem sebelum disiarkan.

Begitu juga dengan peringkat yang kedua, iaitu di mana kita menekankan bahawa betapa pentingnya tambahan yang dibeli at source point, di mana dalam bekalan itu kita tapis seperti video-video, filem-filem yang sebelum dipaparkan, ianya akan perlu penapisan yang terlebih dahulu.

Yang ketiga, mengenai dengan satu penggunaan kita namakan smart card, di mana pada tahun akan datang kita akan perkenalkan smart card tersebut, di mana para ibu bapa berhak membawa kad-kad tersebut ke mana-mana tempat bila mana anak-anak mereka tidak ingin menonton.

Yang keempat, ibu bapa self-censorship kita tekankan bahawa para penontonlah menjadi badan yang utama untuk menapis yang kita tayangkan di ASTRO. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan penapisan muzik-muzik yang dipaparkan, semuanya kita tapis. Dalam itu juga, kita adakan di mana sistem “one-hour delay”, dengan izin, agar siaran-siaran yang kelak dipaparkan di kaca mata TV tidak akan



bercanggah dengan budaya-budaya kita. Kemungkinan bila mana timbul suara-suara atau perkataan yang tidak senonoh ataupun adegan-adegan yang tidak baik, kita akan gelapkan TV itu. Tetapi kita mempunyai masa sejam, dari segi teori. Dari segi praktikal, memang kita mengakui bahawa ianya bukan mudah dalam penapisan satu pancaran seperti yang dilakukan oleh ASTRO menerusi Measat.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan telah pun dengan sendiri menjawab soalan saya, iaitu tentang penyiaran drama Tamil untuk menambahkan masa yang lebih lagi, bagaimana kedudukan sekarang?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk wayang Tamil sudah pun mencukupi bagi pandangan kita, walaupun kita lihat dalam kaca TV, RTM memang kita sediakan begitu mencukupi. Banyak lagi kaum-kaum yang perlukan, seperti masyarakat Cina dan juga masyarakat Melayu yang perlu. Maka pihak Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab untuk menyeimbangkan. Yang penting bagi kita ialah kita hendak lahirkan satu bangsa Malaysia. Walaupun dalam itu, penekanan dia kita tidak mengabaikan bahawa budaya-budaya dan juga selera kaum-kaum yang lain kita tinggalkan. Yang kita rasa pada saat ini memadai apa yang kita sedang buat dalam perkara ini.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Soalan saya berbalik semula kepada penapisan filem itu. Kita masih lagi dapati video-video yang dijual di kedai pula, siapa yang menapisnya? Sebab manakala dimain video itu, kita sendiri nampak perkara-perkara filem berkait dengan seks masih berlaku. Itu sahaja.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada maklumat yang kita terima bahawa ada video-video seks, saya rasa Yang Berhormat boleh kemukakan kepada pihak FINAS, satu badan agensi yang kita pertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan bersama dengan Kementerian Dalam Negeri. Kita mengakui bahawa ada setengah-setengah kaedah, seperti CD-ROM yang mana sulit, tidak mudah bagi kita hendak menapis CD-ROM yang ada di pasaran pada hari ini, bila mana ianya mengandungi unsur-unsur yang ganas dan unsur-unsur yang berbentuk seks seperti yang kita nyatakan tidak ada tolak ansur dalam perkara ini, yang mana boleh menghancurkan budaya masyarakat kita di negara ini, kita akan mengambil tindakan yang cukup tegas tentang perkara itu.

Saya merayu kalau ada maklumat yang tepat dan jelas daripada Yang Berhormat kemukakan kepada kita.

#### **MASALAH “TEACHER BURN-OUT” - LANGKAH MENGATASI**

8. **Dato’ Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-
- (a) sama ada kementerian sedar tentang ketidakpuasan yang semakin menjadi-jadi di kalangan guru seperti “teacher burn-out”, dan
  - (b) langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini dan meningkatkan perkembangan profesionalisme yang berterusan di kalangan guru.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan telah menjalankan berbagai-bagai usaha untuk meneruskan supaya profesion perguruan ini merupakan profesion yang boleh dibanggakan. Sokongan para guru dalam pembangunan negara sentiasa diingat dan dikenang sepanjang hayat.

Kementerian Pendidikan tidak menafikan wujudnya perasaan kurang memuaskan di kalangan guru-guru disebabkan oleh beberapa aspek perkhidmatan mereka yang masih boleh diperbaiki lagi. Perkara ini memang diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan.

- (b) Di antara langkah yang dijalankan untuk meningkatkan lagi perkembangan profesionalisme yang berterusan di kalangan guru-guru ialah dengan mewujudkan peluang melanjutkan pelajaran serta peluang menghadiri kursus dalam perkhidmatan di dalam dan di luar negara. Di samping itu, beberapa jawatan perguruan baru telah diwujudkan, di antaranya, jawatan guru pakar (master teacher) dan pengetua super (super headmaster) serta mengadakan jawatan guru kaunseling sepenuh masa di sekolah-sekolah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mengapakah sehingga sekarang kerajaan masih belum dapat membayar elaun lebih masa kepada guru-guru? Dan ada satu jawapan yang diberi secara bertulis kepada saya mengatakan pada masa sekarang ini kedudukan perjawatan guru-guru masih di bawah JPA. Apakah langkah-langkah kerajaan hendak memisahkan perkhidmatan perguruan ini supaya dia ada suruhanjaya sendiri?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, bayaran lebih masa atau overtime payment itu dari segi prinsipnya Kementerian Pendidikan sudah bersetuju untuk guru-guru bukan siswazah, tetapi cadangan Kementerian Pendidikan sekarang dalam peringkat penelitian oleh agensi-agensinya yang lain khususnya oleh JPA kerana kita perlulah persetujuan JPA sebelum kita boleh laksanakannya.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya dalam peratusan guru-guru sekolah, guru-guru lelaki jauh kurang daripada guru-guru perempuan. Kalau kita hendak tarik lebih ramai lelaki masuk sebagai profesion guru, kementerian takut juga guru-guru perempuan tidak suka. Jadi, macam mana hendak membaiki keadaan ini supaya memuaskan hati guru-guru lelaki supaya dia boleh masuk sebagai guru dan tidak sakitkan perasaan guru-guru perempuan?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa guru-guru lelaki, khususnya guru-guru lelaki di sekolah rendah ini semakin lama semakin menjadi endigest species, dengan izin, kerana tidak boleh dinafikan bahawa kebanyakan pemuda-pemudi yang berminat untuk memasuki maktab perguruan ialah calon-calon perempuan kerana mereka rasa profesion itu adalah lebih berkait dengan kepakaran mereka. Dan tidak boleh dinafikan kerana dalam keadaan ekonomi yang makmur, calon-calon lelaki itu mempunyai pilihan yang banyak, khususnya di sektor-sektor swasta. Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan terus melaksanakan program-program untuk menarik minat calon-calon lelaki.

Dalam konteks ini, saya rasa Kementerian Pendidikan tidak menghadapi halangan langsung dari calon-calon perempuan. Guru-guru perempuan itu bukan sahaja menggalakkan, tetapi mereka terima dengan hati yang terbuka kedatangan guru-guru lelaki kerana tidak boleh dinafikan ada banyak tugas di sekolah khususnya pelaksanaan program-program kokurikulum, sukan dan sebagainya yang kita perlulah calon-calon lelaki yang mempunyai muscular power, dengan izin, yang lebih kuat ini. Jadi, Kementerian Pendidikan menggalakkan calon-calon lelaki untuk memasuki maktab perguruan. Sungguhpun kita ada satu target iaitu sekurang-kurangnya 40% jumlah calon

yang kita terima untuk maktab perguruan itu adalah calon-calon lelaki, tetapi dalam satu keadaan yang adil kita tidak bolehlah, dengan izin, reduced the entry point atau kurangkan point-point untuk kemasukan calon-calon lelaki.

### **BIL PEMBETUNGAN DAN PELUPUSAN SISA PEPEJAL - MENGURANGKAN BAYARAN CUKAI PINTU**

**9. Datuk Rahim bin Baba** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan bahawa sekarang pengguna dikehendaki membayar bil pembedung secara berasingan dan tidak berapa lama lagi pula akan dikenakan yuran perkhidmatan bagi pelupusan sisa pepejal. Adakah pihak kementerian akan meminta pihak Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah untuk mengurangkan bayaran cukai pintu selaras dengan bayaran bagi kedua-dua perkhidmatan di atas yang dikenakan secara berasingan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan mengkaji semula kadar bayaran cukai pintu setelah menerima cadangan struktur tarif dan juga caj perkhidmatan pengurusan sisa pepejal daripada pihak konsortium yang akan melaksanakan perkhidmatan tersebut. Untuk itu, kerajaan sedang menimbang suatu kadar pengurangan cukai pintu yang munasabah supaya tidak membebankan pihak pengguna.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa bayaran cukai pintu tidak membebankan rakyat yang berpendapatan rendah dan bagaimanakah kerajaan dapat memastikan perkhidmatan yang diberi itu sama dengan cukai yang dibayar?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan memang mengenakan cukai pintu kepada pengguna-pengguna dan kita akan mengurangkan jumlah cukai pintu ini mengikut kadar yang akan dikutip oleh pihak konsortium yang telah diberi penswastan menguruskan sisa-sisa pepejal. Oleh itu, tidak timbul masalah berkenaan dengan cukai

pintu kerana ianya hanya ditolak daripada jumlah yang akan dikutip daripada mereka oleh konsortium ini.

Berkenaan dengan kecekapan ataupun perkhidmatan yang akan diberikan oleh konsortium ini, kita akan mulakan penswastan untuk Kuala Lumpur, iaitu Wilayah Persekutuan, dan juga Johor Bahru mulai 1.1.1997. Seandainya percubaan di kedua-dua tempat ini berjaya, maka barulah kita akan memanjangkan lagi perkhidmatan ini ke seluruh negara.

#### **SYARIKAT BROKER SAHAM - EKUITI BUMIPUTERA**

**10. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah syarikat-syarikat broker saham yang tidak menepati syarat-syarat bagi menampung keperluan ekuiti bumiputera dan juga pekerja-pekerja bumiputera di setiap peringkat; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap syarikat-syarikat yang melanggar syarat-syarat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd.**

**Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini kajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SS) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hanya di kawasan Lembah Kelang yang meliputi 20 buah syarikat broker saham.

Maklumat terperinci dan menyeluruh mengenai kedudukan ekuiti bumiputera dan pekerja-pekerja bumiputera di setiap peringkat pengurusan ke atas bakinya 40 syarikat broker saham adalah masih dalam kajian BSKL.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, kajian di kawasan Lembah Kelang menunjukkan bahawa 3 syarikat broker saham gagal memenuhi keperluan 30% ekuiti bumiputera, manakala 12 syarikat lagi

gagal memenuhi kriteria penyertaan bumiputera dalam pelbagai aspek, seperti keanggotaan lembaga pengarah dan wakil peniaga.

- (b) Bagi memastikan dasar kerajaan dipatuhi, syarikat-syarikat broker saham yang berkaitan hendaklah mengambil langkah-langkah pembetulan dan melaporkan kepada SS dan BSKL mengenainya. SS dan BSKL telah diminta menjalankan pemeriksaan susulan ke atas syarikat-syarikat broker saham itu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kegiatan syarikat-syarikat broker saham ini telah pun berjalan begitu baik di negara kita dan mantap, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menarik balik lesen-lesen syarikat-syarikat broker saham yang tidak mematuhi syarat-syarat yang kita kenakan itu kerana kalau tidak, ianya akan diabaikan sahaja dan perkara-perkara semacam ini akan berterusan berlaku?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telah pun mengarahkan Suruhanjaya Sekuriti (SS) khasnya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri supaya perkara-perkara berikut diambil.

Pertamanya, syarikat-syarikat broker yang berkaitan hendaklah mengambil langkah pembetulan bagi memastikan pematuhan dasar 30% penyertaan bumiputera iaitu dengan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bentuk ekuiti, keahlian lembaga pengarah, penyertaan di peringkat pengurusan serta meningkatkan bilangan ekuiti bumiputera.

Syarat 30% pegangan ekuiti bumiputera dalam syarikat awam tersenarai hendaklah benar dan kekal milik bumiputera walaupun selepas disenaraikan kerana keperluan tersebut adalah sebagai pelaburan jangka panjang pelabur bumiputera tulen. Sebagai tambahan kepada syarat 30% penyertaan bumiputera di dalam keahlian lembaga

pengarah, disarankan juga supaya dilantik sekurang-kurangnya seorang pengarah eksekutif bumiputera.

Yang keduanya, keperluan 3% komposisi wakil peniaga bumiputera perlu diasingkan mengikut wakil peniaga bergaji atau 'paid dealer' dan remisier bagi memastikan tidak terdapat keadaan di mana keperluan tersebut dimanipulasi oleh syarikat-syarikat broker.

Yang ketiganya, satu perjanjian yang seragam di antara remisier dengan syarikat broker digunapakai termasuk keseragaman terma-terma berhubung dengan had ataupun keadaan urusan dengan deposit.

Yang keempat, satu mekanisme perlu dikenalpasti bagi membantu remisier bumiputera yang menghadapi masalah hutang yang disebabkan oleh kerugian kontrak client berpunca daripada kemelesetan pasaran saham selepas kemeriahan pasaran tahun 1993 dan bagi meningkatkan modal bumiputera bagi menarik perhatian clients berkualiti.

Dan yang kelima, syarikat broker dikehendaki mengadakan mesyuarat lembaga pengarah dengan lebih kerap.

Yang keenam, bagi meningkatkan lagi tahap kecekapan dan prestasi wakil peniaga, syarikat broker dikehendaki mengadakan program latihan secara formal termasuk latihan teknikal. Wakil-wakil peniaga dan remisier juga dikehendaki menjalankan kursus ulangkaji dan pendidikan lanjutan dan profesional bagi memastikan mutu pengetahuan dan pemahaman dalam industri sentiasa tinggi.

Dan akhir sekali, peraturan kenali clients anda perlu dijadikan polisi dalam syarikat-syarikat broker untuk menekankan perlunya remisier mengenali clients mereka bagi meminimum risiko kemungkinan clients. Pendek kata, kita tetap pada dasar.



**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap kaunter-kaunter di second board BSKL yang terlalu aktif sehingga harganya melambung terlampau tinggi.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Spekulasi tetap berlaku dan kita cuma cuba meminimumkan spekulasi yang berkenaan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar bahawa sehingga sekarang ini masih terdapat banyak syarikat broker saham yang mengamalkan sikap diskriminasi terhadap pekerja-pekerja dan apakah mekanisme, cara yang berkesan dan berterusan yang dapat kerajaan jalankan untuk mengetahui perkembangan di dalam syarikat-syarikat broker saham ini dan bagaimana kerajaan dapat menentukan bahawa pengurusan di dalam syarikat broker saham ini terutama sekali kaum bumiputera ini benar-benarnya tidak menjadi tunggul kayu dalam itu sahaja?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih. Bagi jawapannya, dengan kajian yang terperinci kerana kita ada 60 sahaja broker saham, jadi kita ada 20 di Lembah Kelang dan 40 lebihannya. Dengan adanya 40-an lagi dapat kita memastikan, sepertimana saya katakan tadi, bukan sahaja peringkat ekuiti tetapi juga peringkat pengurusan dapat dikemaskan lagi.

#### **PERTUKARAN WANG ASING DI BIDANG PERKAPALAN - KERUGIAN/MASALAH DEFISIT**

11. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah Malaysia mendapat kerugian dalam pertukaran wang asing di dalam bidang perkapalan sahaja. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasinya dan mengurangkan masalah defisit dan sejauh manakah kejayaannya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerugian yang dialami oleh Malaysia dalam pertukaran wang asing untuk sektor perkapalan dapat dilihat dari jumlah defisit yang dialami oleh sektor tersebut seperti dinyatakan melalui komponen, tambang dan insurans di bawah akuan semasa imbangan pembayaran. Misalnya, dalam tahun 1994 defisit yang dialami oleh sektor perkapalan berjumlah RM7,367 juta manakala pada tahun 1995 pula ia berjumlah RM9,028 juta.

Bagi mengatasi masalah defisit yang disumbangkan oleh sektor perkapalan ini, kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan dan menambah bilangan kapal milik Malaysia menerusi penubuhan satu tabung perkapalan pada tahun 1993 yang mengandungi dua komponen iaitu kemudahan perkapalan usaha niaga berjumlah RM500 juta dan kemudahan pembiayaan perkapalan berjumlah RM300 juta. Dalam tahun 1995, kemudahan pembayaran perkapalan ditambah lagi dengan peruntukan sebanyak RM300 juta menjadikan ianya RM600 juta. Di bawah kemudahan perkapalan usaha niaga, Syarikat Perkapalan Global Maritime Venture Berhad. (GMV) telah ditubuhkan. GMV telah memiliki 33 buah kapal dengan jumlah peranan sebanyak RM1.6 juta dwt.

Di bawah kemudahan pembiayaan perkapalan sejumlah RM398.3 juta pinjaman telah pun dikeluarkan untuk 27 buah syarikat perkapalan bagi membeli 34 buah kapal. Sementara itu sebanyak RM1.3 juta diluluskan untuk pinjaman membina limbungan kapal.

Pada 25hb. Oktober, 1996 yang lalu, kerajaan telah menambah peruntukan sebanyak RM200 juta lagi bagi kemudahan pembiayaan perkapalan iaitu untuk membeli

kapal di bawah tabung perkapalan ini. Di samping itu juga, kerajaan telah meminta supaya syarikat-syarikat yang mengeksport barang-barang dari Malaysia menggunakan sistem CIF manakala pengimport menggunakan FOB.

### **MASALAH SOSIAL GOLONGAN REMAJA - KAJI SEMULA KURIKULUM**

12. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada masalah sosial, seks bebas, buang anak, dadah dan AIDS yang semakin serius melibatkan golongan remaja memerlukan kajian semula kurikulum dan sistem pendidikan yang lebih memberi penekanan kepada pendidikan Agama dan moral.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah menjalankan pelbagai langkah untuk menangani masalah sosial di kalangan pelajar. Di antara langkah-langkah tersebut adalah langkah-langkah yang seperti ini:

- (i) melalui mata pelajaran pendidikan agama Islam dan mata pelajaran pendidikan moral yang memupuk sikap positif;
- (ii) pengenalan tajuk pendidikan kesihatan keluarga dalam mata pelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan;
- (iii) melalui kegiatan ko-kurikulum sekolah di mana semua pelajar melibatkan diri dalam kegiatan sukan, persatuan kelab dan unit beruniform;
- (iv) pihak sekolah boleh bekerjasama dengan PIBG merangka program-program seperti program Motivasi, program Jaya Diri;
- (v) penerapan nilai-nilai murni diterapkan dalam semua mata pelajaran secara langsung atau tidak langsung;
- (vi) turut melancarkan kempen kesedaran melalui ceramah oleh pihak polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pasukan Petugas Anti Dadah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.13 Hingga 50 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENYIARAN (PINDAAN) 1996**

#### **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dan usul-usul bagi menyambung semula perbahasan atas “Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996 dalam Jawatankuasa sesebuah Majlis.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

#### **Fasal 1 hingga 24 -**

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Yang Berhormat Tuan Ding Seling berucap.

**3.40 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya pada hari yang lalu saya hanyalah ingin menyampaikan dua pandangan mengenai rang undang-undang ini dalam peringkat Jawatankuasa kita. Ini adalah berdasarkan keperluan orang-orang pedalaman.

Kita telah bincangkan mengenai Rang Undang-undang Penyiaran dan juga keperluan orang-orang di luar bandar untuk mendapat maklumat. Di sini, saya ingin menyarankan supaya kerajaan memikirkan untuk memperbanyakkan bilangan pegawai-pegawai dalam Jabatan Penerangan, khususnya bagi district ataupun bahagian seperti di

Sarawak dan Sabah di mana tempat-tempat di hulu kurang sekali kita mendapat maklumat yang tepat melalui televisyen oleh kerana pada tempat-tempat tertentu itu memang tidak dapat dan juga melalui radio juga kurang sekali. Yang amat berkesan untuk menyampaikan maklumat kepada orang-orang di luar bandar ialah melalui tayangan wayang gambar yang mengandungi butir-butir pembangunan mengenai perkembangan dalam negara kita ini. Inilah satu cara yang telah pun diamalkan dahulu sejak 1960-an dan 1970-an dahulu dan ianya menjadi satu peristiwa sebenarnya di kampung-kampung yang menarik minat orang kampung dan seterusnya satu cara yang begitu berkesan untuk menyampaikan maklumat dan perkembangan dalam negara kita ini bagi mereka di luar bandar.

Ini juga saya telah maklum cara ketua-ketua masyarakat bagi orang-orang luar bandar untuk memberi sokongan padu kepada kerajaan dan juga cara kerajaan untuk memberi sokongan padu kepada ketua-ketua masyarakat. Saya sebut perkara ini oleh kerana dalam masa sekarang ini, di mana ekonomi kita semakin makmur, maka ramailah budak-budak dari luar bandar yang berpelajaran dan ada pula mereka ini yang balik ke kampung berlagak dan tidak memberi hormat yang sepatutnya kepada ibu bapa dan seterusnya kepada ketua masyarakat mereka oleh kerana mereka katakan, "Saya sudah ke sekolah menengah". Ada juga yang ke peringkat lebih tinggi sedikit daripada itu dan oleh kerana itu mereka senantiasa menunjukkan dan memandang rendah kepada ibu bapa dan orang tua mereka yang boleh kita katakan tidak tahu menahu tentang apa yang berlaku di luar kampung mereka sendiri.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Pengerusi, saya minta laluan. Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa setakat ini ramai rakyat Malaysia bagi

Sabah dan Sarawak yang tidak berminat mengikuti program-program di dalam bahasa Malaysia ataupun mereka tidak faham di dalam bahasa Malaysia untuk mendapat maklumat?

**Tuan Ding Seling:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada rakan saya. Bukan ertinya mereka tidak berminat, tetapi sebenarnya tidak ada. Pertama sekali saya sudah sebut tadi, program televisyen kita di luar bandar itu ada kalanya memang tidak ada langsung. Jadi, walaupun mungkin mereka hendak mengikuti program itu, mungkin tidak ada. Jadi, yang saya cadangkan ini adalah sebagai tambahan, kalau ada mereka yang mempunyai televisyen ataupun radio di mana program-program berbahasa Malaysia ataupun program-program lain itu bagus dan syabas. Ini adalah sebagai satu tambahan di mana saya rasa sangat penting oleh kerana kita yang di luar bandar itu tidak mendapat maklumat yang sepatutnya.

Inilah satu sebabnya saya ingin sebut di sini di mana pada waktu pilihan raya misalnya kawasan di luar bandar adalah sangat susah untuk mengatakan bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang memang prihatin dan ingin mengambil berat tentang orang-orang di luar bandar termasuklah orang-orang di bandar, tetapi mereka itu tidak sedar dan tidak begitu pasti sama ada ini yang bertugas atau tidak. *[Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail bangun lalu keluar dari Dewan]*

**Tuan Ding Seling:** Saya ingat saudara mahu minta laluan lagi?

**Tuan Pengerusi:** Tidak, dia keluar, ya.

**Tuan Ding Seling:** Dia hendak keluar? Okay. Jadi, aspek itu sahajalah yang saya ingin memohon kepada kerajaan khususnya Kementerian Penerangan supaya memikirkan bagaimana caranya untuk menyampaikan maklumat yang sepatutnya

disampaikan agar orang-orang kita di luar bandar itu boleh mengikuti perkembangan dan seterusnya mungkin bolehlah menyumbang sedikit sebanyak apa yang mereka boleh di dalam pembangunan negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

**3.46 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga turut bangun dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini untuk membahaskan Akta Penyiaran 1988.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan yang telah berjaya membentangkan akta yang amat perlu dilaksanakan dalam dunia yang serba canggih ini. Saya kira adalah tidak terlewat bagi kita meneliti peraturan-peraturan yang dicadangkan agar suasana langit terbuka dengan lebuhraya maklumat nasional dan international yang memenuhi ruangan angkasa kita ini dapat dikawal penggunaannya dan dapat diawasi urusan yang berkaitan dengannya.

Tuan Pengerusi, saya cuma ingin mengambil kesempatan perbahasan ini untuk bercakap dalam dua points atau perkara sahaja. Pertama, dari segi penguatkuasaan. Apa juga akta yang diluluskan di Parlimen dan termaktub sebagai undang-undang setelah dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agung tidak akan dapat memastikan dapat berfungsi sepenuhnya tanpa dipraktikkan.

Penggunaan akta ini juga tidak berkesan jika tidak ada penguatkuasaan dan will power, dengan izin, untuk menguatkuasakannya. Apa juga bentuk halangan penguatkuasaan, saya berharap supaya perlu diatasi sama ada dari segi man power, dengan izin, ataupun keperluan tenaga manusia, will power, rasuah dan seterusnya

kecekapan sistem pengadilan sendiri. Maksud saya kemampuan mahkamah menyelesaikan perbicaraan. Apa guna berbagai peraturan dan undang-undang diadakan, tetapi sistem mahkamah negara tidak dapat berfungsi sebaik-baiknya di mana kes-kes tertanguh begitu banyak dan memakan masa yang lama untuk ditentukan hukuman.

Tuan Pengerusi, kedua, peranan media elektronik dalam membentuk sosio budaya dan pola pemikiran rakyat. Sosio budaya dan bentuk pemikiran rakyat akan dipengaruhi oleh media elektronik. Hari ini negara kita ketandusan ilmu kerana pihak universiti menghadapi masalah pensyarah lari ke institusi pengajian swasta kerana tidak puas hati mengenai pangkat, gaji dan kemudahan-kemudahan lain. Kita ketandusan penulis untuk menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah. Kita juga ketandusan budayawan, karyawan, maka budaya kita yang terdiri daripada berbagai kaum yang ada cuma dapat dipamerkan seadanya. Ia diperjuangkan oleh sebilangan pencinta budaya yang sanggup berkorban untuk menegakkan budaya bangsa.

Apa sumbangan pihak penyiaran untuk mengembangkan budaya ilmu dan menyemarakkan budaya bangsa? Saya berharap supaya pihak kementerian mengambil perkara ini sebagai perkara yang penting untuk difikirkan. Nampaknya pihak penyiaran tempatan belum lagi dapat memenuhi keperluan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju, berpendidikan dan memastikan perpaduan kaum dapat terjalin dengan baik.

Sistem tempatan lebih banyak berbentuk hiburan dan mengutamakan kepentingan perniagaan dengan menyiarkan rancangan-rancangan dari luar. Keadaan ini lebih gawat lagi dengan kemasukan ASTRO dan MetroVision yang mana kita boleh berhibur 24 jam. ASTRO telah menyediakan lebih daripada 20 siaran, kalau saya tidak silap, termasuk rangkaian muzik, rancangan kantonis - "wala toy", rancangan untuk kaum India - "Vanavil", CNN, Business News, Discovery dan siri-siri hiburan dan juga filem-filem dari Barat.

Tuan Pengerusi, dalam menjelaskan soal jawab tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebutkan bahawa semua siaran ini telah ditapis. Tetapi bagi saya, saya rasa tidak puas hati kerana apa yang kita dengar, syarat-syarat penapisan yang disebutkan oleh



pihak kementerian begitu elok dan begitu baik sekali, tetapi apabila kita menyaksikan filem-filem ini ditayangkan di siaran TV kita, terutamanya ASTRO, tayangan-tayangan yang ditayangkan itu saya rasa tidak memenuhi syarat-syarat penapisan.

Walaupun penapisan dibuat berperingkat-peringkat tetapi banyak perkara yang saya dapati terlepas siarannya di mana siaran-siaran yang ditunjukkan terutama sekali dalam siaran muzik dan sebagainya yang diimport daripada Barat tidak ada potongan dibuat. Semua yang telah pun ada di dalam video berkenaan ditayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dengan perkembangan terbaru ini di mana siaran TV swasta yang banyak menumpukan kepada hiburan, maka RTM tidak sepatutnya bersaing dalam bidang yang sama. Sebagai badan penyiaran kerajaan, pihak RTM sepatutnya memainkan peranan yang lebih gigih dalam menyiarkan rancangan-rancangan tempatan dan mempromosikan keindahan-keindahan tempatan, menggalakkan budaya tempatan dalam membentuk moral dan peribadi serta menyumbang ke arah jati diri rakyat Malaysia.

Saya berpendapat kerajaan perlu memberi peruntukan yang cukup kepada pihak RTM agar RTM tidak terikat dengan sumber pendapatan iklan. Iklan-iklan yang ditayangkan di RTM biarlah bertujuan untuk mempromosikan gedung-gedung perniagaan tempatan supaya kalau ada pelancong-pelancong yang datang mereka tahu di mana gedung-gedung perniagaan yang perlu mereka lawati untuk menyemarakkan lagi pelancongan di negara kita. Begitu juga iklan-iklan tempatan perlu mengiklankan tempat-tempat yang baik untuk promosi pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal tapisan filem, saya pernah melihat filem-filem yang ditayangkan di Indonesia dan Thailand misalnya, filem-filem yang diimport daripada negara luar misalnya filem-filem Hindi dan juga filem-filem Kantonis telah dialih bahasakan kepada bahasa mereka. Di Thailand misalnya, bahasa yang digunakan ialah bahasa Thai. Di Indonesia filem-filem Hindi ditayangkan dengan bahasa Indonesia tetapi nampaknya di negara kita dari segi penapisan juga tidak dapat dijalankan dengan sebaik-baik mungkin. Begitu juga dengan bahasa yang digunakan ialah bahasa asal filem yang berkenaan. Untuk integrasi nasional, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya membuat kajian, apakah boleh filem-filem yang diimport daripada luar ini menggunakan bahasa kebangsaan, Bahasa Malaysia?

Begitu juga dengan pemotongan filem-filem yang ditayangkan melalui Internet di luar negara, saya lihat pemotongan yang mereka buat, ada filem-filem yang ditayangkan di TV3 Malaysia telah pun dipotong sepenuhnya di Indonesia dan kita tidak dapat melihat siarannya. Tetapi apa yang kita dapati di negara kita, kalau ada tayangan-tayangan filem yang dibawa masuk daripada filem-filem Barat misalnya, potongan yang dibuat cumalah sedikit sahaja mungkin dalam beberapa saat sahaja kita dapat lihat potongan yang berkenaan.

Jadi, dalam soal ini kita berharap supaya pihak kementerian akan dapat memberi perhatian yang lebih serius. Begitu juga dengan kemasukkan filem-filem lucu dan juga video-video yang kadang-kadangnya kita sendiri apabila anak-anak kita meminjam video daripada kedai-kedai video hendak ditayangkan di TV, kita sendiri bimbang. Takut-takut dalam hati kita apabila melihat video ini ditayangkan kerana selalunya kita terserempak

dengan adegan-adegan yang amat memalukan. Jika filem ini dilihat oleh anak-anak bersama keluarga.

Jadi, dalam soal ini kita berharap pihak kementerian akan mengambil perhatian yang serius. Kalau kita tidak cukup pegawai, kita harus memenuhi jawatan-jawatan yang tidak dapat dipenuhi supaya kemasukkan budaya kuning ke dalam negara ini dapat dikawal. Saya ada contoh ini, Tuan Yang di-Pertua, sengaja saya bawa gambar ini, 'Watch them light up, Peter Stuyvesant', ini salah satu contoh yang kita lihat.

Saya rasa dalam ASTRO, Yang Berhormat Datuk hendak tengok gambar, dalam ASTRO lebih hebat lagi daripada gambar yang terpapar dalam surat khabar di negara kita. Jadi, keadaan-keadaan begini biasanya akan menggalakkan kepada muda mudi kita kepada gejala-gejala yang merosakkan akhlak. Kita bercakap pasal kerosakkan akhlak generasi-generasi muda tetapi perkara-perkara ini terlepas daripada kawalan kita dan juga terlepas dari kawalan kementerian.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk berbahas panjang di dalam Akta Penyiaran ini, kita berharap kepada pihak kementerian supaya perkara-perkara ini dapat diambil perhatian. Penguatkuasaan penapisan filem-filem, video-video yang masuk ke negara kita harus dilaksanakan sebaik-baik mungkin dan segala halangan-halangnya haruslah dapat kita atasi dengan sebaik-baiknya. Dengan kata-kata itu saya juga turut menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri akan menjawab.

**3.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli

Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang Penyiaran 1996. Saya juga mengambil peluang ini untuk memperjelaskan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahas rang undang-undang berkenaan di peringkat Jawatankuasa ini dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail, pertama mengenai cadangan supaya diwujudkan Dasar Penyiaran Negara dan Jawatankuasa Penyiaran Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini akan menubuhkan panel penasihat penyiaran yang dianggotai oleh semua pihak yang berkepentingan. Berkaitan dengan dasar penyiaran pula, Kementerian Penerangan belum bercadang untuk mewujudkannya kerana perkara-perkara mengenai penyiaran adalah terkandung dalam Dasar Perfileman Negara yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Mengenai kawal selia aktiviti dan bahan-bahan penyiaran untuk makluman Yang Berhormat, bahawa satu unit telah ditubuhkan di Kementerian Penerangan bagi mengawalselia bahan-bahan penyiaran semua stesen penyiaran di negara ini. Kawal selia ini penting untuk memastikan semua stesen penyiaran mematuhi khususnya garis panduan penyiaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Salah satu perkara yang diberi perhatian dalam kawal selia ini ialah memastikan bahawa bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur ganas, tahyul, seks yang bertentangan dengan budaya atau VHSC, dengan izin, tidak tersiar dalam radio dan televisyen. Sekiranya terdapat mana-mana stesen penyiaran yang melanggar peraturan yang ditetapkan, maka Kementerian Penerangan akan mengambil tindakan yang sesuai ke atas stesen berkenaan.

Mengenai cadangan supaya ditingkatkan kawalan terhadap percetakan dan video yang mengandungi bahan-bahan lucu, untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang mengemukakan soalan yang sama, adalah di luar bidang kementerian ini. Namun begitu, melalui FINAS kita boleh membatalkan mana-mana lesen pengedaran, menjual atau menyewa bahan-bahan seperti video dan cakera padat sekiranya pemegang lesen itu melanggar syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh FINAS melalui Akta FINAS 1991.

Mengenai masalah kompaun mengatasi undang-undang di mana satu kesalahan yang ditetapkan oleh undang-undang tetapi boleh dikompaun oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa kompaun adalah merupakan satu bentuk hukuman yang bertujuan untuk memendekkan proses perbicaraan. Terdapat peraturan-peraturan di bawah akta yang mengawalselia pengkompaunan ini. Jika mereka tidak bersetuju dengan keputusan kompaun, maka mereka boleh membawa kes itu ke mahkamah untuk diputuskan.

Saya ingin menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba. Pertama mengenai pertanyaan tidak dinyatakan tempoh penjara dalam Fasal 12(b) satu pindaan rang undang-undang. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh hukuman maksimum penjara ialah selama 12 bulan. Tempoh ini dikekalkan tanpa pindaan dan sebab itulah ianya tidak disebut di muka surat 8 Fasal 12 (b) (i).

Mengenai masalah billboard yang tidak disenaraikan di dalam jadual perkhidmatan penyiaran untuk makluman Yang Berhormat, billboard bukan satu bentuk iklan penyiaran sebagaimana yang dimaksudkan oleh Akta Penyiaran 1998.

Sebaliknya ia merupakan satu bentuk pengiklanan yang termasuk di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Mengenai masalah iklan yang tidak didefinisikan dan sama ada promosi sesebuah negeri juga merupakan satu bentuk iklan. Untuk makluman, di bawah Akta Penyiaran (Pindaan) ini, iklan tidak didefinisikan kerana ianya boleh

diberi makna yang lazim dalam industri pengiklanan. Tambahan pula, ia bukan satu istilah yang hendak diberikan premis undang-undang.

Manakala promosi sesebuah negeri melalui radio atau televisyen bukanlah semestinya merupakan satu iklan bagi maksud Akta Penyiaran 1988, sebaliknya ia juga boleh disiarkan melalui treler khidmat awam kecuali dalam keadaan di mana kerajaan negeri berkenaan atau penajanya sanggup membayar masa siaran sesuatu iklan atau promosi tersebut.

Mengenai kompaun Astro untuk membuat tapisan dalaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa garis panduan tapisan dalam Astro adalah ditetapkan oleh kerajaan. Satu siri latihan berkaitan dengan garis panduan itu juga akan diadakan. Kementerian ini percaya Astro mempunyai kemampuan dalam melaksanakan tapisan dalamannya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin iaitu perkhidmatan radio dikeudarakan tanpa bayaran termasuk sesiapa sahaja boleh mengadakan stesen penyiaran dan menyiarkan ucapan tanpa lesen dan tanpa bayaran.

Saya ingin menjelaskan bahawa semua perkhidmatan penyiaran yang disenaraikan dalam Jadual termasuklah perkhidmatan radio yang bebas dikeudarakan tanpa bayaran perlu dlesenkan di bawah subseksyen 4(i) dan membayar premium untuk mengeluarkan lesen atau fee tahunan, sewa atau royalti di bawah subseksyen 4(iv).

Saya ingin menjelaskan bahawa beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim. Pertama, mengenai pertanyaan tentang perkhidmatan penyiaran dalam Jadual tidak ada sekatan. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, semua perkhidmatan penyiaran dalam Jadual hendaklah dilesenkan dan tertakluk kepada terma atau syarat lesen yang dikeluarkan. Bentuk sekatan seperti delayed transmission, dengan izin, adalah merupakan satu kaedah penapisan.

Mengenai cadangan supaya syarat-syarat dan terma lesen ditetapkan dalam akta dan dijadikan syarat berkanun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat dan terma lesen adalah berbeza di antara satu bentuk perkhidmatan penyiaran dengan yang lain bergantung kepada keperluan perkhidmatan berkenaan. Oleh itu, adalah tidak praktikal jika syarat dan terma lesen diperundangkan. Dalam aktiviti lain, mungkin boleh tetapi tidak sesuai bagi aktiviti penyiaran.

Dan mengenai pertanyaan perkara yang boleh dan tidak boleh disiarkan, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara yang boleh dan tidak boleh disiarkan di televisyen terkandung di dalam garis panduan penyiaran dan kod pengiklanan yang dijadikan rujukan kepada stesen penyiaran, syarikat pengiklanan dan pembekal program sebagai panduan.

Saya ingin menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali.

- (a) Mengenai penyebaran filem-filem dan video lucah secara berleluasa di negara ini, seperti di kelab karaoke dan sebagainya. Perkara ini telah saya jelaskan semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail baru sebentar tadi; dan
- (b) Mengenai hukuman rendah yang dikenakan di bawah pindaan akta yang dikatakan tidak akan berkesan. Kementerian ini berpendapat bahawa hukuman yang dicadangkan adalah memadai, tambahan pula

Menteri Penerangan mempunyai kuasa untuk membatalkan lesen penyiaran sekiranya sesebuah stesen penyiaran itu melakukan pelanggaran syarat lesen hingga menyebabkan lesen itu mempunyai merit untuk dibatalkan.

- (c) Mengenai cadangan supaya diwujudkan falsafah negara bagi mengatasi masalah tatalaku remaja yang dipengaruhi oleh bahan siaran TV. Kementerian tidak menafikan bahawa TV boleh mempengaruhi sebahagian tatalaku remaja. Namun begitu kita juga tidak boleh menafikan terdapat adanya unsur-unsur lain seperti video, filem dan persekitaran yang turut menyumbang ke arah tersebut.

Sehubungan dengan itu sistem keluarga yang kukuh adalah faktor yang paling penting dalam menentukan tatalaku seseorang ahli keluarga.

Dan mengenai adegan drama yang tidak realistik seperti adegan silat, jampi mentera dan sebagainya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adegan itu hanya terdapat dalam filem yang dijeniskan sebagai filem imaginasi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin mencadangkan supaya iklan yang disiarkan di RTM mempromosikan gedung-gedung tempatan dan tempat-tempat pelancongan. Kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan tentulah cadangan yang baik ini kita akan mengambil perhatian yang serius mengenainya.



Yang Berhormat juga mengemukakan soal penyiaran tempatan berbentuk hiburan dan kurang unsur pendidikan dan ragu dengan soal penapisan yang di dalam rancangan Astro serta RTM patut menyiarkan rancangan keindahan dan budaya tempatan.

Saya suka menyatakan bahawa TV dan radio menyampaikan mesej melalui pelbagai kaedah penyiaran iaitu pendidikan, maklumat, hiburan supaya pandangan dan penonton mempunyai pilihan sejajar dengan citarasa masing-masing. Walau bagaimanapun, kita akan memberi perhatian ke atas pandangan Yang Berhormat itu, ini termasuk ke atas Astro sepertimana yang disebut.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab Yang Berhormat Tuan Ding Seling agar meminta tambahan pegawai luar penerangan untuk meningkatkan penyebaran maklumat bagi masyarakat khususnya masyarakat pedalaman dan luar bandar. Persoalan Yang Berhormat telah saya jawab sebenarnya semasa menggulung perbahasan pada peringkat dasar rang undang-undang ini minggu lalu. Kementerian Penerangan akan memberi perhatian ke atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam perbahasan.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan di atas perbahasan yang begitu berguna bagi kepentingan bersama termasuk Kementerian Penerangan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 1 hingga 24 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 1 hingga 24** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Dijemput pihak kerajaan untuk membentangkan.

**4.10 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mac, tahun ini kerajaan telah meluluskan pelarasan saraan anggota sektor awam berdasarkan kadang peningkatan topping-up, dengan izin, mengikut kumpulan perkhidmatan. Kadar peningkatan gaji Kumpulan Pengurusan Tertinggi ialah RM150 dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional RM90. pada masa yang sama pelarasan saraan anggota perkhidmatan kehakiman juga telah diluluskan oleh kerajaan berasaskan kadar peningkatan yang diberikan kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi iaitu sebanyak RM150.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, pelarasan yang sama adalah sewajarnya dipanjangkan juga kepada anggota-anggota pentadbiran Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua (Dewan Negara), Tuan Yang di-Pertua (Dewan Rakyat), Setiausaha Parlimen, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran Negeri, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri, Setiausaha

Politik, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ketua Dewan Rakyat, Ketua Pembangkang dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pelarasan saraan anggota pentadbiran dan ahli Parlimen adalah diasaskan kepada jumlah gaji yang disandarkan kepada jawatan berkaitan dan dibandingkan dengan jawatan yang setaraf dalam sektor awam. Oleh yang demikian, kadar peningkatan yang dicadangkan mengikut jawatan adalah seperti berikut:

<b>Kadar Peningkatan (RM150)</b>	
(a) Persekutuan	- Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Setiausaha Parlimen.
(B) Negeri	- Menteri Besar atau Ketua Menteri
<b>Kadar Peningkatan (RM90)</b>	
(a) Persekutuan	- Setiausaha Politik, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, Ketua Dewan Rakyat, Ketua Pembangkang dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat.
(B) Negeri	- Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua

Dewan Negeri, Anggota Pentadbiran Negeri  
dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saraan bagi anggota pentadbiran persekutuan, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dewan Rakyat serta Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, kecuali Setiausaha Politik adalah diperuntukan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Sebarang perubahan pada gaji dan elaun bulanan bagi Anggota Pentadbiran Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta Ahli-ahli Parlimen boleh dibuat dengan pindaan undang-undang ke atas Seksyen-seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan diluluskan oleh Parlimen. Akta ini mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1995. Dengan keterangan-keterangan yang saya berikan, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan memberikan sokongan sepenuhnya atas cadangan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1980 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa.

**4.15 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ini, setiap kali Rang Undang-undang dikemukakan, selalu sahaja yang bangun yang pertama, kerana inilah peluang yang saya rasakan untuk dapat bercakap dan tidak berebut-rebut dengan Ahli-ahli yang lain.

Saya berterima kasih di atas pembentangan Rang Undang-undang ini, iaitu satu penyelarasan saraan Ahli-ahli Parlimen. Saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai Dewan dan juga Parlimen ini. Parlimen ini merupakan satu badan, yang saya rasakan badan tertinggi dalam negara kita. Walau apa sekali pun undang-undang dan peraturan kita bawa ke Parlimen, diperbincangan dan dipinda, tetapi kadangkala kita juga perlu membuat sedikit teguran bahawa kita lihat sahaja Dewan Negara ini tidak ada Timbalan Yang di-Pertua. Saya sudah lama juga di sini, sudah setahun lebih, Timbalan Yang di-Pertua masih belum dilantik dan saya harap satu tindakan akan dibuat untuk melantik Timbalan Yang di-Pertua, kerana selalu sahaja Tuan Yang di-Pertua, kadangkala ingin berehat, sepatutnya Timbalan mengambil alih.

Kadangkala Timbalan ini hanya diambil daripada salah seorang Ahli Dewan Negara ini. Kalau dahulu Pengerusi kerap kali juga diambil sebagai Tuan Yang di-Pertua dan sekarang Yang Berhormat Ding Seling juga kadangkala mempengerusikan mesyuarat ini. Jadi, saya rasa eloklah kita mengambil suatu perkara yang lebih baik supaya Timbalan Yang di-Pertua ini dilantik dengan segera ataupun dengan secepat mungkin yang boleh. Apabila saya memikirkan perkara ini, ia adalah patut, kerana kadangkala Tuan Yang di-Pertua ada urusan-urusan penting, kita terpaksa ganti. Tetapi, penggantian itu tidak secara rasmi. Apa salahnya kita rasmikan, mudah-mudahan - saya rasa Tuan

Yang di-Pertua juga ingin menjadi Timbalan, kalau diberi peluang. Jadi, dengan hal yang demikian saya rasa elok kita mencadangkan Timbalan Yang di-Pertua ini dilantik dengan seberapa segera. Setujukah kalau kita.....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Cadangan itu begitu baik, tetapi persetujuan itu tidak dapat saya maklumkan [*Ketawa*].

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Begitu juga dengan Setiausaha Dewan. Setiausaha Dewan ini, selepas sahaja tamat tempoh Setiausaha Dewan yang dahulu, Tuan Haji Salleh, sehingga hari ini masih belum dilantik Setiausaha Dewan yang rasmi, yang itu cuma memangku sahaja. Ada sedikit masalah antara Kabinet dengan Suruhanjaya. Saya nampak Suruhanjaya melebihi Kabinet. Sepatutnya, perlantikan ini tidak merupakan sebagai Pemangku Setiausaha, lantiklah dengan rasmi - apa salahnya. Itupun saya rasa tokoh-tokoh yang ada sebagai Setiausaha ini telah pun mahir dalam perkara-perkara serta peraturan-peraturan Majlis dan sebagainya.

Jadi, Kabinet telah luluskan untuk perlantikan Setiausaha, tetapi malangnya, Suruhanjaya tidak begitu mengambil berat dalam perkara ini. Bukan tidak berat, tetapi ia ada pertelingkahan peraturan.

Jadi, saya rasa ikut sahajalah Kabinet, kalau Kabinet sudah setuju dengan perlantikan Setiausaha Dewan, terus sahajalah ke Setiausaha Dewan, tidaklah menjadi pemangku dan sebagainya. Kerana berapa lama hendak pangku - pangku - pangku hingga tidak boleh pangku besok.

Saya haraplah Dewan kita ini, Dewan yang termulia sekali supaya melantik Timbalan Yang di-Pertua dengan Setiausaha ini dengan secara rasmi, dirasmikan dengan sebetul-betulnya, kita tidak ambil kira.

Satu lagi, saya ingin membuat teguran bahawa kadangkala apabila rombongan keluar negara, Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri selalunya Ahli-ahli Parlimen dijemput, tetapi saya lihat sejak akhir-akhir ini kalau saya kurang pasti sila betulkan bahawa Ahli-ahli Dewan Negara tidak diberi peluang untuk menyertai Perdana Menteri untuk membuat lawatan-lawatan rasmi keluar negara. Umpamanya baru-baru ini dia melawat ke Timur Tengah dan sebagainya tidak ada seorang pun Ahli Dewan Negara. Apa salahnya kalau dijemput Ahli Dewan Negara. Saya bimbang kalau ada perbezaan-perbezaan antara Dewan Rakyat dengan Dewan Negara begitu ketara, jadi nampaknya esok mutu ataupun standard Dewan Negara ini lebih rendah daripada Dewan Rakyat.

Kita lihat sahaja di negara British dan sebagainya seperti Lower House dan Upper House, jadi saya harap perkara ini tidak dipandang remeh-temeh. Perkara ini adalah serius dan saya mengharapkan layanan kepada Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara haruslah sama rata, jangan ada Dewan Rakyat lebih, Dewan Negara kurang. Kita sama menyokong kerajaan terutama dalam Dewan Negara, tidak ada suara bantahan dan bangkangan langsung, tetapi kalau dalam Dewan Rakyat ada bantahan daripada parti pembangkang.

Kami di sini cuma satu sahaja daripada PAS, lain semua adalah penyokong-penyokong kerajaan. Apa salahnya diberi perhatian, bukan hendak selesa, tetapi keadilan, adil sedikit kepada kami. Kadangkala saya merasa juga terkecil hati, kadang-kadang bila di luar mereka bercakap 'Apa, Ahli Dewan Negara macam rubber stamp, lepas sahaja Dewan Rakyat pap! Lulus'. Jadi, kalaulah ada kata-kata negatif semacam ini seolah-olah satu penghinaan atau memandang rendah martabat kami sebagai Ahli Dewan Negara.

Kalau tidak percaya dengan kata-kata saya ini, tanyalah semua Ahli Dewan Negara, saya rasa setuju, anggapan sebagai rubber stamp ini tidak sepatutnya dilemparkan kepada Ahli Dewan Negara. Akbar sebagai contoh, bukan saya hendak usik akhbar, akhbar pun bagus, kadang-kadang dia beri publisiti pun bagus, tetapi liputan Dewan Rakyat itu berjela-jela sampai satu muka. Bila tentang Dewan Negara kadang-kadang tidak ada langsung, tetapi apabila Ahli-ahli Dewan Negara tidak dapat bangun untuk membahaskan itu kerana kesuntukan masa, besok keluar berita dia kata 'Ahli Dewan Negara tidak ada idea untuk memperbahaskan rang undang-undang ini' - itu timbul. Minta rasionallah sedikit, bukanlah kami hendak paparkan wajah-wajah kami, kerana wajah-wajah ini pun sudah tua, wajah usang, wajah opera yang tidak ada penonton kata para saujana. Bayangkanlah kalau opera itu sudah tidak ada penonton, makna sudah kosong, tinggal dengan sampah, dengan kulit kuaci dan sebagainya. Tahu opera tak?

Pada zaman dahulu, bukan ada wayang, tetapi ada panggung opera. Penonton-penontonnya semacam kita. Jadi hampa, opera itu ditinggalkan oleh penonton. Macam itu jugalah hati-hati dari Ahli-ahli Dewan Negara ini. Apabila keadaan ini berlaku sedemikian, kami rasa hampa, serasa hampa opera ditinggalkan oleh penonton. Jadi, bukanlah kami memohon lebih daripada yang sepatutnya kami terima, kami mohon saksama, makna kata kami (semua sekali), tetapi ada juga ahli-ahli atau sahabat-sahabat saya yang hendak bangun, rakan-rakan hendak bangun, tetapi saya rasa kami ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak tahu rintisan-rintisan, kalau tahupun kadangkala tidak mahu hendak utarakan, cuma rungutan-rungutan itu sendiri sahaja.

Kita lihat bila sahaja Perdana Menteri melawat keluar negara, liputan keluar tengok ahli Parlimen Dewan Rakyat - bagus, memang bagus, kita iring Perdana Menteri,



kita sayang Perdana Menteri. Tetapi malangnya dalam rombongan itu tidak ada seorang pun muka Ahli Dewan Negara - bayangkanlah. Bukan kita salahkan Perdana Menteri, jangan salahkan Perdana Menteri, Perdana Menteri dia tidak tahu berapa orang hendak ikut, siapa yang hendak ikut. Dia cuma arahkan bawa Ahli Parlimen - itu sahaja. Ahli Parlimen, maknanya Parlimen ini ada dua Dewan, satu Dewan Rakyat dan satu Dewan Negara, haruslah diberi saksama, takkan Perdana Menteri hendak pergi check, ini Dewan Negara ada orangkah, Dewan Rakyat ada orangkah. Kadangkala saya dapat juga cerita-cerita, sudah tidak ada Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat, yang tidak hendak pergi, kerana ada masalah cawangan, masalah bahagian, masalah kawasan barulah tengok, barulah telefon Datuk Rahim Baba. Datuk, ada senangkah, PM ajak pergi Korea? Jadi janganlah sampai saat akhir, sudah tidak ada nasi, kami hendak dijadikan nasi tambah. Biarlah disusun dengan perkara yang baik. Ini berlaku, kerana Ahli-ahli Dewan Rakyat itu serupa juga macam kami, kalau mereka ada kuasa, lagi besar kuasa saya, satu negeri Perak, kadang-kadang ke utara, kadang ke selatan, kadang-kadang di tengah, semua sibuk, tugas kami juga berat.

Walau bagaimanapun kita berterima kasih kerana pada masa sekarang kita ada peruntukan. Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan terutama Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang sudi memberi peruntukan sejumlah RM100 ribu untuk selama 3 tahun, bayangkanlah dibahagi dengan tiga RM33,300.39.3 sen tidak tahulah tambah lagi satu baru dia genap, bahagikan dengan 3 tahun, RM33 ribu itulah hendak diagihkan dalam satu negeri.

Saya wakil negeri Perak, bukan sahaja dalam Parlimen Gopeng, dalam Parlimen lain pun minta, Yang Berhormat takkan tidak ingat, tolonglah sedikit, itu madrasah, ini

tempat amal ibadat, karpet ini Yang Berhormat bukan hendak banyak sedikit sahaja RM5,000, potonglah sedikit RM5,000. Agih punya agih tidak tahulah hendak katakan ibarat kain selimut pendek, tahu tak selimut, kita tidur pakai selimut, tutup di kaki, di kepala terbuka, tutup di kepala, kaki terbuka. Itu perumpamaan. Kalau siapa yang belajar perumpamaan tahulah, yang tidak baca perumpamaan, saya tidak tahulah. Ini ibarat selimut pendek, tutup di kaki di kepala terbuka, tutup di kepala di kaki terbuka. Jadi, dengan kadar peruntukan yang begitu terhad, tetapi lain kali kita boleh mohon tambahan. Ini baru sahaja lulus, mungkin dalam tahun depan kita boleh mohon untuk memberi saksama.

Kalau Ahli Dewan Rakyat dapat RM50 ribu kita juga seharusnya mendapat RM50 ribu. Ahli-ahli Yang Berhormat ini semua mempunyai kawasan, Yang Berhormat Tuan Ding Seling - Sarikei, di sana banyak masalah, Dewan, sekolah yang teruk-teruk bukankah begitu Yang Berhormat? Kadang-kadang enjin bot pun kita mahu tolong juga, belikan enjin bot, dia kata 'Yang Berhormat, enjin bot ini rosak, tolong belikan satu'. Kita ini adalah Yang Berhormat, mereka hendak pakai untuk JKK dan sebagainya, bot itu digunakan untuk Jawatankuasa Keselamatan Kampung untuk melawat, jadi kita terpaksa beri, takkan kita tidak hendak beri. Perkara-perkara macam ini kita kena beri, bukannya untuk kepentingan peribadi, tetapi untuk kepentingan masyarakat dari paling bawah iaitu JKK hinggalah ke atas, dengan PIBGnya semua kita kena jaga. Tetapi terima kasih jugalah walau RM100 ribu diharapkan pada masa yang akan datang peruntukan ini ditambah lagi bagi menyempurnakan tanggungjawab kami agar boleh setanding dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Kita faham kerana Ahli Dewan Rakyat juga ada tugas-tugas, mempunyai kawasan tertentu, tetapi tidak juga kita menganggap Ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan. Umpama kebanyakan Ahli Dewan Negara ini mempunyai bahagian masing-masing. Walaupun dari parti apa sekali pun dalam komponen Barisan Nasional. Semua ada kawasan. Kebanyakan mereka ini semua Ketua Bahagian, ada Parlimen dia dan mempunyai banyak persatuan dan pertubuhan yang ada di bawah kawasan mereka sendiri.

Jadi, amat perlulah peruntukan ini dipertimbangkan semula. Tidak apalah tentang gaji itu, kalau pihak kerajaan ingatkan kami, ingatkan semua, keadaan kos yang tinggi pada masa sekarang bolehlah ditimbang dari masa ke semasa. Kerana suara saya tidak tinggi hari ini, hari ini hendak merayu tetapi tidak boleh tinggi. Kalau merayu, biasanya 'tune' suara itu kena slow sedikit Kerana suara tinggi esok, pihak kerajaan pun tidak akan mempertimbangkan perkara ini.

Jadi, saya rasa elok sangatlah dipertimbangkan apa yang saya katakan tadi, memandangkan Dewan ini adalah Dewan yang termulia, Dewan tertinggi dalam negara kita agar perkara ini dapat dipertimbangkan. Terutama yang penting, saya nampak tadi Timbalan Yang Di-Pertua, amat penting. Kerana dalam ucapan yang dibentangkan dalam rang undang-undang tadi juga ada tercatat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, jadi perkara itu jelas. Jawatan itu adalah tercatat di dalam peraturan-peraturan itu.

Jadi, saya tidak ingin berucap panjang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Dengan ini saya mengambil kesempatan menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Datuk Rahim Baba.

**4.34 ptg.**

**Datuk Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta bagi membahas dan seterusnya menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semasa membentangkan rang undang-undang ini. Ianya adalah berkaitan hanya dengan kenaikan RM90 yang akan diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat bersesuaian dengan kenaikan gaji ataupun elaun yang telah pun diputuskan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh seperti apa yang telah diperkatakan oleh sahabat saya sebelum ini. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini khasnya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa Parlimen kita terdiri dari dua Dewan. Satu, Dewan Rakyat dan satu lagi Dewan Negara. Betul ya? Kerana jangan kita anggapkan bahawa bila sebut sahaja Parlimen, seolah-olahnya hanya Dewan Rakyat sahaja. Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak jelas lagi, saya bacakan, saya beli Federal Constitution ini, saya tengok betul-betul. Saya bacakan klaus 44, maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, kerana saya sempat membelinya dalam bahasa Inggeris sahaja. *“Constitution of Parliament - The legislative authority of the Federation shall be vested in a Parliament which shall consist of the Yang di-Pertuan Agong and two Majlis (Houses of Parliament) to be known as the Dewan Negara*

*(Senate) and the Dewan Rakyat (House of Representatives)*....Dewan Negara dahulu yang dia sebut.

Jadi, dalam constitution kita pun ada disebutkan bahawa Dewan Negara disebut dahulu. Majlis Federation terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Saya menimbulkan ini kerana jangan ada pihak-pihak yang mempersoalkan kewujudan Dewan Negara. Saya sudah menjadi ahli Dewan selama hampir 6 tahun, dekat hendak habis, 5 tahun setengah, sekarang dekat hendak habis tempoh dan saya telah pun melihat sendiri. Saya dapat merasakan bahawa saya benar-benar bersimpati dengan Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal tadi bahawa seolah-olah satu perasaan, kita melihat Dewan Negara ini tidak begitu penting. Kita lihat sahaja, saya bukan hendak menimbulkan soal elaun walaupun perkara ini, nanti orang kata untuk kepentingan peribadi, tidak! Kerana elaun Dewan Negara hanya RM3 ribu sebulan, Dewan Rakyat berapa?

**Seorang Ahli:** RM4,800 sebulan.

**Datuk Rahim bin Baba:** RM4,800 sebulan. Tengok perbezaan di sini pun pentadbiran kerajaan telah pun membezakan antara Dewan Rakyat dengan Dewan Negara. Saya pun tidak faham kenapa perbezaan ini boleh berlaku? Kalau dalam Constitution kita, dalam Artikel 44, disebutkan bahawa ....

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** *[Bangun]*

**Tuan Hanapiah bin Ahmad:** Yang Berhormat...

**Datuk Rahim bin Baba:** Ya.

**Tuan Hanapiah bin Ahmad:** Minta laluan.

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sudah pun dilulus RM90, tetapi orang luar, dia kata RM900. Dia lebih minta bantuan kita, peruntukan kita dan juga lain-lain. Saya minta untuk makluman bukan kuasa, siapakah yang mempunyai kuasa yang lebih atau sederhana, Dewan Rakyat atau Dewan Negara?

**Datuk Rahim bin Baba:** Itu, Yang Berhormat soal saya ke atau soal Setiausaha Parlimen? *[Ketawa]* Saya belum jadi Setiausaha Parlimen lagi? *[Ketawa]*

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** Minta maaf, saya minta, Yang Berhormat sudah mempunyai pengalaman yang banyak, boleh jawab?

**Datuk Rahim bin Baba:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Marimuthu. Memang saya tidak membincangkan soal kenaikan RM90 ini. Memang kalau dari segi kuasa, apa-apa yang diputuskan oleh Dewan Rakyat tidak semestinya Dewan Negara pun berhak menolaknya, kalau difikirkan perlu. Memang Dewan Negara ada kuasa untuk menolak apa-apa yang telah diputuskan oleh Dewan Rakyat. Tetapi maklum sahajalah, kita ini dilantik biasanya akur sahaja apa-apa yang diputuskan.

Tetapi apa yang kita harapkan ialah satu pertimbangan supaya satu penghormatan. Kadang-kadang kita pun malu, kita malu. Memang orang tidak tahu pun berapa elaun Dewan Rakyat, rakyat biasa tidak tahu berapa elaun Dewan Negara. Tetapi, di dalam Dewan ini semua kita tahu berapa elaun Dewan Rakyat, berapa elaun Dewan Negara. Perbezaan yang sebegitu ketara, saya berharap apabila akta itu dipinda, dibuat penyesuaian pada masa-masa akan datang, perkara ini akan difikirkan. Dulu apabila kita pinda kenaikan elaun Dewan Rakyat dengan Dewan Negara, saya masih ingat lagi. Pada ketika itu, hampir-hampir kita hendak tolak, Dewan Rakyat pun sudah risau, kalau Dewan Negara tolak, dia pun tidak dapat kenaikan juga. Selepas pindaan, tambah sedikit kepada

Dewan Rakyat dan Dewan Negara kepada RM200. Mula-mula dulu RM2,800 untuk pengetahuan yang lainlah. Selepas itu, kita bising-bising, naik kepada RM3 ribu tetapi soal pokoknya bukan soal jumlah. Bukan soal jumlah RM3 ribu dengan RM4,800, soalnya ialah persamaan. Biar ada persamaan antara Dewan Negara dengan Dewan Rakyat.

Saya tidak mahu kita ada perbezaan antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Jangan katakan kerana Dewan Rakyat tugasnya lebih. Kalau hendak adakan elaun yang lain kepada Dewan Rakyat, berikan. Umpamanya elaun pekerja ataupun staf dan sebagainya, itu boleh diberikan. Tetapi dari segi elaun hakikinya, biarlah kita harapkan kedua-dua Majlis, kedua-dua Dewan ini diberikan elaun yang sama pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berani bercakap di peringkat ini kerana saya tahu kalau naik pun elaun Dewan Negara pada masa-masa akan datang, tidak akan melibatkan saya. Jadi, saya tidak ada kepentingan peribadi dalam soal ini. Tetapi pencen naiklah agaknya. Selaras sekalilah. Saya tahulah, sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab, dia kata pencen akan naik juga, saya beritahulah. Saya tahu, saya melihat 10 ataupun 20 tahun ke hadapan, sebab itu saya tahu. Jadi, pencen pun akan naik juga.

Tetapi apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah supaya kedudukan, supaya masyarakat pun memandang sama tinggi antara Dewan Rakyat dengan Dewan Negara dari segi elaun hakiki. Kalau misalnya Dewan Rakyat katakan banyak belanja lagi, bagikan dia pegawai-pegawai sokongan, kerani dua-tiga orang, kerana dia ada kawasan pilihan raya sendiri. Tetapi Dewan Negara pula mewakili seluruh negara, itu kena fikir juga. Betulkah? Tentulah kata betul. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya jangan kita duduk di Dewan ini dianggap seperti mana kata Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal tadi sebagai rubber stamp. Orang luar hendak kata kita rubber stamp, kita rubber stampah. Tetapi pada saya, selama lima tahun setengah saya berada di Dewan ini, saya telah fikirkan, saya telah pun mainkan peranan saya, dan juga saya telah pun memberikan pandangan-pandangan yang baik dan pandangan-pandangan yang boleh dijadikan pedoman ataupun dijadikan dasar oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh soal lain tentang imbuhan kepada ahli-ahli Dewan. Umpamanya, soal loan kereta. Saya sendiri tidak berani ambil pun. Berapa loan kereta sekarang?

**Tuan Yim Chee Chong:** RM25 ribu.

**Datuk Rahim bin Baba:** RM25 ribu. Kereta apa yang ada RM25 ribu? Perodua pun tidak dapat. Kancil pun tidak dapat RM25 ribu. Sudahlah minta RM25 ribu, selepas itu hendak ada dua orang penjamin pula lagi. Saya pernah jadi penjamin. Jadi, saya tahu pemikiran pihak pentadbiran, kerana ahli Dewan Negara, ahli Dewan Rakyat ini hanya sekejap sahaja 5 tahun ataupun 3 tahun, jadi tak perlu beri loan yang banyak, nanti esok bila tidak ada lagi, macam mana soal pembayaran. Ini pemikiran mereka yang membuat dasar RM25 ribu. Tetapi kita mesti ingat hak milik kereta itu dipegang oleh pihak kerajaan, dituntut oleh pihak kerajaan. Selepas itu pencen kita pun boleh dipotong daripada pencen. Apa yang dirisaukan? Yang Berhormat sudah bersetuju untuk tambahkan lagi. *[Ketawa]* Bawa ke dalam pentadbiran. RM25 ribu malu. Saya hendak beritahu dengan orang pun hendak dapat RM25 ribu malu saya. Isteri saya jadi kerani



pun dapat sampai RM50 ribu untuk car loan. Jadi, kita ahli Dewan Negara RM25 ribu. *[Ketawa]* Saya memang hendak pusing ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pinjaman perumahan, saya sudah ambil, saya tahulah RM75 ribu. Saya ambil itu bukan kerana apa, saya sudah beli satu apartment RM126 ribu kena tambah pula perbezaannya. Hendak double, dua financing tak boleh. Kerajaan tidak benarkan double financing. RM75 ribu untuk seorang ahli Parlimen. Apa jenis rumah yang dapat? Di luar bandar kemungkinan dapat rumah yang selesa. Tetapi di dalam bandar dengan RM75 ribu, pegawai-pegawai kerajaan pun, isteri saya pun dapat peruntukan housing loan RM95 ribu. Saya pun malu hendak cakap dengan dia, hendak katakan RM75 ribu dapat housing loan. Seorang lagi isteri tidak dapat housing 'loan'lah kerana dia.....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Soalan lagi, minta laluan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak bertanya, isteri mana yang dapat?

*[Ketawa]*

**Datuk Rahim bin Baba:** Saya mengagak, saya nampak di hujung mata saya Datuk Ibrahim Ali bangun. Memang dia hendak bertanya yang sedemikian, kerana saya tahu dia pun akan mengikuti jejak langkah saya. *[Ketawa]* Biasanya orang yang banyak bertanya memang macam itu. Setiausaha Parlimen pun nampaknya lebih kurang gelaknya. *[Ketawa]*

Jadi, dengan RM75 ribu ini jenis rumah yang macam mana? Saya tahu asas yang digunakan kerana kemampuan dari segi bayaran, kerana tidak lama menjadi Member of Parlimen lima tahun ataupun kalau jadi ahli Dewan Negara maksimumnya hanya enam tahun. Kemungkinan kemampuan dari segi membayar. Dahulu pun kemungkinannya

ahli-ahli Dewan Negara ini yang sudah bersara, yang berumur sudah lanjut sedikit, jadi ahli Dewan Negara mungkin jangka hayat tidak berapa lama lagi, mungkin dari segi kemampuan untuk membayar agaknya.

Tetapi sekarang ini kita tengok ahli-ahli Dewan Negara semuanya muda lagi. Election lagi sekali semua berpindah ke Dewan Rakyat kebanyakannyalah. Jadi, saya harap satu pemikiran baru dapat difikirkan soal housing loan. Ini pun bukannya dapat percuma. Saya pun dapat housing loan RM75 ribu. Saya hendak cakap pun nanti pegawai-pegawai kerajaan marah pula. Punyalah susah hendak dapat walaupun sudah lulus. Semuanya sudah lulus, hendak keluar duit itu, alamak! Saya kena minta, kena telefon, macam minta sedekah pula kita. Saya kata dalam hati saya, ini duit saya, saya yang akan bayar. Hendak dapatkan duit itu pun punya susahnyanya. Selepas itu, developer pun sudah beri threatening letter, dengan izin. Dia beri surat ugutan, kalau tidak bayar dia akan tarik balik peruntukan ini dan dia akan ambil balik rumah ini, dan yang mana bayaran RM50 ribu -RM60 ribu yang saya sudah buat itu akan dikira hangus. Betapa susahnyanya.

Jadi, saya berharap walaupun isu mendapatkan housing loan ini soal jawatan yang berlainan, tetapi saya berharap supaya bila sudah lulus loan, kita percepatkan bagi. Saya berharap kalau ada yang bekerja di bahagian housing loan. Saya punya last payment ada 15% lagi, pun belum bayar lagi. Kunci sudah hendak ambil. Jabatan kerajaan belum bayar lagi, saya pun tidak boleh hendak ambil kunci. Jadi, saya berharap kepada pihak kerajaan supaya dapat menimbang untuk menambahkan lagi housing loan kepada ahli-ahli Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan sitting allowance. Maaf, kadang-kadang saya cuma sign sahaja, saya minta pegawai saya tolong uruskan. RM75 untuk 4 jam. Bukannya kita hendak mempersoalkan dari segi sumbangan, memang kita tidak mempersoalkan itu. Tetapi sitting allowance yang RM75 untuk masa 4 jam ini, saya harap dapat difikirkan dengan angka yang lebih munasabah. Ada kawan-kawan saya kata sebelah malam pun di pergi ke karaoke, lounge, dia kata dia kena bayar lebih. Orang yang dia bayar tips pun dia kata sampai RM35 satu jam kepada orang yang melayan dia.

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Adakah Yang Berhormat pergi ke karaoke? *[Ketawa]*

**Datuk Rahim bin Baba:** Saya sudah kata tadi, kawan-kawan saya. Yang Berhormat tidak termasuklah. Kawan-kawan saya yang di luar daripada Dewan ini, bukan yang di dalam Dewan ini. Yang di luar daripada Dewan ini dia kata dia pergi ke karaoke pun dia kata dia kena bayar lebih RM35 untuk satu jam. Bukannya saya hendak buat perbandingan. Kadang-kadang orang bercakap, saya pun segan juga hendak katakan kita di Parlimen dapat RM75 untuk empat jam. Tidak mengapa dari segi perkhidmatan kita tidak mempersoalkan, semuanya hendak berkhidmat dengan ikhlas, tetapi biarlah perkhidmatan itu diberikan dengan imbuhan yang setimpal. Saya berharap juga supaya sitting allowance ini akan dapat dipertimbangkan, dinaikkan selaras dengan keadaan ekonomi dan juga keadaan sara hidup pada masa ini.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan soal perjalanan, travelling. Tadi, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal sudah bercakap soal rombongan. Memang ahli-ahli

Dewan Negara dapat rescue result, sudah tidak ada lagi orang lain hendak pergi barulah cari ahli Dewan Negara. Apabila Dewan Rakyat bersidang, barulah ahli-ahli Dewan Negara akan dipanggil untuk pergi melawat ataupun untuk pergi rombongan-rombongan. Saya lihat apabila ada rombongan daripada luar negeri datang, Parlimen akan hantar senarai - saya duduk di Kuala Lumpur, tiap-tiap kali, tidak miss mesti dia hantar minta datang ke Dewan Rakyat untuk menemui rombongan-rombongan yang datang daripada luar negeri. Kadang-kadang jamuan makan, tidak mengapalah dapat makan percuma. Tetapi apa yang hendak saya timbulkan ialah janganlah ahli Dewan Negara ini hanya menjadi penyambut kepada rombongan-rombongan yang datang daripada luar negara melawat ke Malaysia ini.

Kita hendak ahli-ahli Dewan Negara pun sama-sama pergi ke negara-negara masing-masing itu. Kadang-kadang saya pun naik segan juga. Baru-baru ini rombongan daripada South Africa datang, saya tengok ahli Dewan Negara yang datang full quorum, dia jemput 10 orang, 10 orang datang. Ahli Dewan Rakyat saya tengok - bukanlah hendak menimbulkan - quorum dia tidak cukuplah, saya sangkalah. Saya ingatkan dia panggil semua ahli Dewan Negara, tetapi selepas itu bila saya tanya ahli Dewan Rakyat itu, dia kata, dia baru balik daripada South Africa dan dia berceritalah, dia sudah berjumpa dengan orang ini, kita yang di Dewan Negara ini diam sahaja, tidak berani hendak cakap pun, dia tanya kita, sudah pergikah? Angguk-angguk macam itu sahajalah. *[Ketawa]* Hendak kata belum, kita segan juga, kenapa kita ahli Dewan Negara tidak termasuk dalam rombongan-rombongan ini? Saya sudah pergilah, saya pergi dahulu dengan Perdana Menteri pada tahun yang sudah, itu pun kita mengucapkan terima

kasihlah kerana daripada 10 ahli Dewan Rakyat itu termasuklah seorang daripada Dewan Negara, seorang dua itu adalah, memang tidak kita nafikan.

Tetapi apa yang hendak kita timbulkan ialah supaya jangan dianggapkan jemputan kepada ahli-ahli Dewan Negara itu kerana sudah tidak ada ahli-ahli Dewan Rakyat yang hendak pergi. Saya pun kadang-kadang marah juga. Hari itu cuba bertanding ahli jawatankuasa CPA, kalah juga, ahli-ahli Dewan Negara tidak cukup datang. Tahun depan kita bertanding balik, kita datang beramai-ramai. Saya sudah kira-kira (calculate) kalau ada 20 orang ahli Dewan Negara datang, sudah sure saya dengan Dato' Aziz boleh menang pada hari itu, tetapi kerana hanya dalam 15 orang sahaja yang datang, itulah sebabnya kita tidak dapat, itu pun bukan ramai, saya dengan Dato' Aziz sahaja - dua orang hendak duduk dalam CPA, daripada 7 itu pun kita minta 2, tidak juga dapat. Lawatan-lawatan nanti CPA ataupun IPU yang akan menentukan. Dalam masa mesyuarat hari itu pun saya ingatkan pengerusi mesyuarat bahawa Parlimen ini ada dua Dewan; satu Dewan Rakyat dan satu Dewan Negara, saya ingatkan begitu, saya harap dia fahamlah apa maksud saya itu. Tetapi kerana orang tua agaknya, dia lebih faham, 'oh, ya, ya, saya tahu ada dua Dewan; ada Dewan Negara dan Dewan Rakyat pun ada'.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, begitu juga mengenai perjalanan ini. Saya sudah timbulkan dahulu pun. Kadang-kadang kita malu juga naik kapal terbang kelas ekonomi, duduk di belakang, di hujung sekali. Kalau tidak dapat first class pun, sekurang-kurangnya berilah business class kepada ahli-ahli Dewan Rakyat, ahli-ahli Dewan Negara apabila mewakili negara. Kita mesti ingat kita pergi mewakili negara, bukannya kita pergi untuk seronok-seronok, untuk sendiri. Saya pergi ke Papua New Guinea, saya seorang sahaja, selepas pilihan raya, kerana seorang pun ahli Dewan Rakyat tidak mahu

pergi, Encik Zamani senyum sahaja, dia tahu, kerana seorang pun ahli Dewan Rakyat tidak mahu pergi saya tahu, itu sebabnya dia last minute, macam kata Yang Berhormat Tuan Mustaffa tadi dia telefon saya, dia kata bolehkah pergi? Saya kata, tidak apa, demi untuk negara, saya pergi.

Secara kebetulan saya pun tidak pernah pergi ke Papua New Guinea, saya pergilah. Naik kapal terbang, duduk di economy class. Saya jumpa delegation dari African country di airport, dia duduk di first class, tetapi saya duduk di economy class. Saya beritahu dia, saya kata, masa kita booked dahulu tempat sudah penuh. *[Ketawa]* Hendak jaga nama negara Malaysia itu! Saya kata tempat sudah penuh, itu sebabnya saya duduk di bahagian economy class. Apabila turun (landed) sahaja kapal terbang, cepat-cepat saya pergi ke depan, saya sama-sama turun sekali. Jadi, orang-orang Papua New Guinea tengok, saya pun turun sama-sama dengan golongan first class juga, tidak daripada economy class, semata-mata kerana hendak jaga nama baik Malaysia, nama baik Parlimen Malaysia.

Jadi, saya berharaplah pada masa-masa yang akan datang supaya kalau rombongan-rombongan yang mewakili negara, mewakili Parlimen kita, pastikan mereka itu naik sekurang-kurangnya business class, walaupun tidak dapat first class. Bukannya kita ini semua tidak mampu hendak naik first class ataupun business class, kadangkala itu saya pun dilema juga, kalau pergi beramai-ramai saya mungkin ada kemampuan untuk naik first class ataupun business class, tetapi ada juga kawan-kawan lain yang duduk di economy class. Jadi, saya pun berkorban, saya pun tidak hendak to be upgraded, saya tidak hendak bayar cara sendiri kerana kawan-kawan yang lain.

Saya berharap supaya Parlimen buat satu ruling, siapa-siapa yang pergi mewakili negara, kita hendaklah pergi naik first class ataupun business class. Kadangkala malu

juga, ahli Parlimen naik economy class, pegawai kerajaan yang mengikuti kita naik first class ataupun business class. Berlaku juga keadaan-keadaan macam ini. Saya pun tidak tahu di mana silapnya?

Jadi, saya berharap walaupun perkara yang saya timbulkan ini perkara-perkara yang kecil, tetapi niat saya ialah untuk menjaga maruah Parlimen kita, baik Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir telah pun ditimbulkan tadi ialah soal jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Dalam peruntukan Parlimen, dalam peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, dalam Federal Constitution kita, saya baca kedua-duanya ini, memang sudah ada peruntukan seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Peruntukan dari segi budget pun kita sudah luluskan berapa peruntukan seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Jadi, apa yang susahnyanya sangat hendak dilantik?

Saya fikir soal kewangan, kalau tidak beri elaun pun sanggup. Tuan Yang di-Pertua pun kadang-kadang kita panggil, kalau di luar saya kena panggil Tuan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Saya kena introduce dengan orang, this is my Deputy Speaker, sengaja hendak naikkan taraf Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua tidak ada. Selepas itu yang susahnyanya, kadang-kadang Yang Berhormat Ding Seling pun ada di sebelah, dia pun bisik, kuit kepada saya, baru saya ingat dia pun.....*[Ketawa]* Tak ada ya? Oh, tak ada. Dia kuit saya tadi.....oh, tidak sengaja dia terkuit saya agaknya. *[Ketawa]* Maafilah, Yang Berhormat. Dia pun kata, saya pun pernah juga duduk di atas itu, seolah-olahnya jadi Timbalan Yang di-Pertua.

Jadi, kita berharap peruntukan sudah ada, jawatan itu sudah ada, apa yang susah sangat hendak dilantik satu jawatan Timbalan Yang di-Pertua? Yang ada di dalam Dewan ini semuanya layak, siapa pun layak untuk menjadi Timbalan Yang di-Pertua. Jadi, kita berharap supaya jawatan Timbalan Yang di-Pertua ini pun jangan dikosongkan, jangan dibiarkan begitu sahaja. Sudah ada peruntukan, sudah ada duitnya, sudah ada orangnya, lantik sahaja. Kadang-kadang kita kasihan juga Yang di-Pertua kita kadang-kadang dia pun ada urusan-urusan lain, kadang-kadang ada majlis-majlis Yang di-Pertua tidak dapat hendak hadir, Timbalan Yang di-Pertua hadir, jadi kita pun bangga kalau Yang di-Pertua tidak ada, tetapi Timbalan Yang di-Pertua ada. Jadi, dapat menaikkan lagi imej Parlimen ataupun imej Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali.

**4.59 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Saya merujuk kepada akta untuk meminda Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rakan-rakan ahli Dewan Negara telah pun banyak memperkatakan soal akta ini di waktu perbahasan, cuma saya ingin mengambil bahagian untuk menyuarakan sedikit pendapat dan semoga pendapat ini diberi perhatian dan pertimbangan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam dalam *The New Sunday Times* ada keluar artikel yang ditulis oleh Joseline Tan mengenai dengan politik Kelantan. Saya baca artikel tersebut, gambar saya ada tetapi terkejut dia sebut dalam artikel itu saya ini orang



'gedebeh'. *[Ketawa]* Dia kata cara berjalan, cara pakaian dan bercakap pun di mana-mana sahaja, dengan izin, I dare to say anything, anyplace, anywhere at anytime. Ada pula gedebeh! Sepatutnya dia sebut di situ 'tokoh yang canggih'. *[Ketawa]*

Sebab, kalau orang tidak tahu, dia boleh beri gambaran yang tidak tepatlah. Jadi, Walau macam mana pun saya terima sahajalah, sekurang-kurangnya itu satu penghormatan tetapi kadang-kadang takrif itu tidak berapa betul. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 ini untuk tujuan penyelarasan...

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan sedikit. Saya ingat perkataan 'gedebeh' ini maknanya adalah seorang tokoh yang tegas dan disanjung tinggi. Oleh itu, mengapa 'Yang Berhormat gedebeh' *[Ketawa]* minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Mengapa sahabat saya Datuk Ibrahim daripada Kelantan ini menyoal perkataan 'gedebeh' ini? Dan 'gedebeh' ini kalau boleh mendapat penjelasan apa sebenarnya makna 'gedebeh' ini bukan sahaja di Kelantan tetapi di seluruh negara ini, makna yang betul?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebab 'gedebeh' ini bahasa Kelantan, jadi kalau orang tidak tahu dia bunyi tidak sedap. Memang makna dia itu tokoh yang tegas, makna mengikut faham saya. Terima kasihlah Yang Berhormat kerana Yang Berhormat Dato' Zuki dia sebut tadi tokoh yang tegas, sudah minum tehkah?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Belum.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ha belum, besok belanja, insya-Allah. *[Ketawa]* Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balik kepada perkara akta di Parlimen ini

tujuannya mengenai penyelarasan. Penyelarasan gaji yang dibuat baru-baru ini. Sememangnya Tuan Yang di-Pertua, kita berharap terutamanya orang ramai mengetahui dan memahami bahawa tanggungan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara sememangnya berat, terlalu berat. Tetapi, dalam pada itu kita lihat imbuhan dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang tidak berada dalam kerajaan.

Imbuhannya tidak sama, tidak begitu seimbang kalau hendak dibandingkan dengan anggota-anggota Kabinet. Saya juga tidak persoalkan soal imbuhan Tuan Yang di-Pertua, soalnya khidmat ini dengan jujur, ikhlas dan amanah, tetapi maklum sahaja dalam keadaan sekarang ini bagi Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara sepanjang hari ianya dikunjungi oleh rakyat. Cuba bayangkan dalam musim cuti sekolah sahaja, musim cuti sekolah satu hari ada dua, tiga puluh kenduri kahwin. Kalau tiga puluh kenduri kahwin, kalaulah selalunya kalau di tempat saya bila pergi kenduri kahwin dia orang panggil 'makan pulut'. Makan pulut bukan makan pulut tetapi orang kahwin itu dipanggil 'makan pulut', maka mestilah dihulur sedekah, sumbangan. Dalam keadaan sekarang ini, dalam negara dan keadaan yang makmur ini, kalau di hulunya waktu 'makan pulut' RM20, dia kata wakil rakyat kedekut tetapi kalau RM20, kalau sepuluh, dua puluh tempat satu hari, cuba kali Yang Berhormat. Itu dari segi 'makan pulut', yang sakit macam mana? Yang sakit, yang hendak lahirkan anak, yang meninggal, yang accident, kenduri-kendara, macam-macam kerja yang mesti ditanggung oleh Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat.

Manakala kita lihat dari segi Ahli-ahli Parlimen yang berada di dalam kerajaan tidak menghadapi masalah sebab dari segi kemudahan kenderaan ada kereta, ada

pemandu, yang jauh dibayar berbeza dengan Ahli-ahli Parlimen. Lepas itu, kalau dia kena keluar daripada pejabat ada pula elaun dan elaun Ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara tetap dapat, itu lain. Gaji dalam kerajaan lain, elaun Ahli Parlimen Dewan Rakyat, Dewan Negara lain. Jadi, katalah kalau Ahli Dewan Rakyat dapat RM5 ribu ataupun RM4 ribu, menjadi setiausaha Parlimen dapat RM5 ribu jadi RM9 ribu dekat RM10 ribu. Elaun kerja kalau keluar pejabat dapat lagi. Kapal terbang first class, lepas itu kalau keluar cukup tahun ada pula kemudahan bercuti - seisi keluarga. Hebat! Tetapi bagi Ahli-ahli Parlimen saya kira bukanlah kita hendak minta sama dengan yang berkhidmat dengan kerajaan tetapi munasabahkah kepada anggota Dewan Rakyat kita lihat seperti disebut oleh Yang Berhormat Datuk Rahim Baba tadi. Bukan soal kita malu naik kelas ekonomi, saya di bawah buntut pun tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Sebagai orang gedebeh, sebagai seorang aktivis saya tidak kesah sangat. Kalau boleh masuk bawah perut saya boleh duduk bawah perut, saya tidak kesah. Betul! Saya tidak menjadi hal demi perjuangan, bergantung di kipas kapal terbang pun tidak apa. Saya pun tidak menjadi masalah.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham sedikitlah dengan 'Yang Berhormat Gedebeh' ini, dia kata bawah perut pun tidak apa, saya sampai sekarang tidak tahu perut mana dia hendak pergi ini *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Bawah perut maknanya, kalau bergantung di bawahlah, di bawah, kan di tayar hendak turun itu bergantung, kalau saya dari jenis dalam filem apa itu? Chuck Norris, wah ceh! *[Ketawa]* Yang macam Chuck dalam filem itu tidak apa. Tetapi, cuba bayangkan orang macam Yang Berhormat Dato' Zuki *[Ketawa]*,

Yang Berhormat Tuan Kan Kok Kwan, saya hendak tengok yang mana lagi? Yang ramai-ramai ini, orang ini dari segi.....dia masih berjuang, masih berkhidmat pada rakyat, cuba bayang hendak pergi ke London, kata hendak pergi conference di Westminster, cuba bayangkan kalau duduk di kelas ekonomi, kerusi pun tidak muat! Dengan badannya begini, *[Ketawa]* Betul! Tiga belas jam dalam kapal terbang, kalau pergi Latin Amerika lagi jauh.

Apa salahnya beri business class, orang panggil Yang Berhormat tetapi duduk kelas ekonomi, yang tidak Yang Berhormat, pengarah-pengarah duduk first class, saya tidak kesah, ambillah title 'Yang Berhormat', asalkan naik business class ataupun first class. Saya anggota Dewan Rakyat tetapi tidak payah panggil 'Yang Berhormat', panggil Tuan Ibrahim Ali pun tidak apa.

Saya sampaikan perkara ini supaya biar munasabah, kalau dari segi perjalanan dekat-dekat tidak menjadi masalah, kalau setakat ke Australia, ke Perth, empat jam, enam jam tetapi kalau perjalanan sampai ke Amerika Syarikat, ke Eropah, laratkah kelas ekonomi? Ini bukan soal malu, malu langsung tidak ada dalam kamus saya. Saya tidak ada malu langsung dalam bab politik ini. Soal duduk di mana tidak malu, tidak jadi hal, sebab itu sentiasa dalam 'buih' kerana memang sikap begitu, saya tidak menjadi hal tetapi yang pentingnya munasabah atau tidak?

Begitu juga mengenai dengan elaun tambahan, berkhidmat untuk rakyat. Saya cukup berterima kasihlah baru-baru ini Ahli Dewan Negara boleh mencadang projek sepanjang tempoh berkhidmat RM100 ribu. Bermakna dalam tempoh tiga tahun RM100 ribu, kalau bahagi setahun-setahun RM30 ribu, kalau bahagi bulan hendak beli bola pun tidak berapa boleh! *[Ketawa]* Hendak beli baju bola pun tidak berapa boleh tetapi kalau

sekaligus betullah RM100 ribu itu banyak, satu projek, habis satu projek dua, tiga tahun lagi macam mana? Sebab itu biarlah munasabah sebab apa pun yang diberi kepada Dewan Negara dipulangkan balik kepada rakyat, cuma tinggal lagi kalau Ahli Dewan Rakyat juga boleh turut mencadang kepada angka yang munasabah, adalah makna Ahli Dewan Negara ini. Adalah makna sedikit, begitu juga lain-lain kemudahan yang kita lihat dari segi elaun mesyuarat, hotel, pemandu dan sebagainya.

Ini saya harap janganlah ditulis pula oleh pihak akhbar saya ini tuntutan naik gaji, tidak. Saya tidak tuntutan naik gaji, saya hanya membela kepada yang patut dibela. Itu yang saya harap kerana sesuai dengan peranan yang dimainkan oleh Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara supaya seimbang. Apa salahnya kalau boleh kerajaan timbang, cukup tahun Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara juga diberi peluang kemudahan bercuti ditanggung oleh kerajaan sekurang-kurangnya macam menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen sebab kerja sebagai Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tahu, cukup tahun berilah peluang cuti sekurang-kurangnya bila pergi Umrah, kita gunakan kemudahan ini. Saya rasa rakyat pun tidak marah sebab munasabah kerana anggota kerajaan diberi kemudahan seumpama ini, kalau pun tidak banyak, ada hadlah. Tidaklah kata duduk di 'suite'kah, first 'class'kah sampai dua, tiga minggu bawa anak-anak, tidak adalah. Mestilah ada hadnya tetapi biarlah diberi kemudahan juga.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kalau kita sebut perkara seumpama ini ada orang mengatakan memang tidak perlu sebab Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat ada juga yang duduk di dalam agensi-agensi kerajaan selain dari menjadi anggota kedua-dua Dewan.

Saya cadangkan, dari dahulu lagi saya pernah bercakap, saya tidak tahulah rakan-rakan yang lain, saya cukup bersetuju supaya sudah sampai masanya kita pertimbangkan supaya anggota kedua-dua Dewan kalau hendak disyaratkan supaya tidak boleh duduk di dalam agensi kerajaan, baik sebagai Pengerusi ataupun Ahli Lembaga, tetapi dengan syarat imbuhan sebagai anggota Dewan mestilah dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Yang menjadi masalah, kalaulah pendapatan tidak cukup dan tanggungan rakyat banyak, sampai hendak makan pulut pun kena jual gelang isteri, waktu musim sekolah, anak-anak orang miskin datang untuk membayar yuran peperiksaan SPM dan PMR, pun kadang-kadang minta wakil rakyat bayar, minta Ahli-ahli Dewan Negara bayar. Banyak tanggungan. Tetapi pada saya tidak menjadi masalah. Buat macam Singapura. Singapura, tengok berapa elaun Ahli Parlimen kedua-dua Dewan? Ada pejabat, ada secretary, ada kenderaan, cukup dan kita tidak perlu duduk di mana-mana dan kita menjadi watch dog yang tegas dalam melihat dan mengawasi supaya perjalanan pentadbiran kerajaan berjalan sebagaimana yang kita kehendaki, bersih, jujur, cekap dan amanah.

Kalau tidak, mungkin ada setengah-setengah, oleh kerana tidak cukup pendapatan mereka dilantik di beberapa jawatan, maka mereka pula dituduh menggunakan kemudahan tersebut, manakala tidak dan anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang duduk di dalam Lembaga Pengarah orang ingat gajinya besar. Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pengerusi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, ambil agensi-agensi yang seratus peratus kerajaan. Kalau tidak silap saya, elauannya lebih kurang RM1,500 setiap bulan. Itu sahaja. RM1,500 sahaja sebulan. Berbeza dengan anggota kerajaan.

Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri waktu menjadi Ahli Dewan Rakyat dahulu, saya percaya dia sokong apa yang saya cakap ini. Sejak dia naik pangkat, tidak tahulah, kot hendak pertahankan pula, [*Ketawa*] kot tidak setuju. Wallahu a'lam. Tetapi kita boleh sama-sama merasai masalah ini. Saya menyebutkan demikian supaya nanti peranan kita tidak dicampuradukkan dan dilihat pula oleh pihak-pihak tertentu seperti ahli politik dalam kerajaan ini berniaga, menggunakan kedudukan dan kemudahan, macam-macam. Macam-macam tuduhan! Saya pun tak sedap dengar!

Walaupun kita menjalankan kerja dengan jujur dan amanah, maka lebih baik kita ikut. Ada setengah-setengah negara di mana Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara yang tidak duduk di dalam kerajaan, tidak juga duduk di dalam mana-mana agensi, tetapi mereka diberi imbuhan yang sewajarnya untuk menjalankan tugas. Katalah, naik kapalterbang kalau di dalam negeri - business class dan kalau luar negeri yang jauh, first class. Cukup tahun ada cuti. Pinjaman rumah pula janganlah sama dengan rumah-rumah murah macam Yang Berhormat Datuk Rahim Baba sebut tadi. Kereta pun begitu juga. Nak beli Perodua pun tidak boleh!

Jadi, perkara seumpama ini seharusnya ditimbang kerana tanggungjawab Ahli Parlimen di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini teruk, Tuan Yang di-Pertua. Memang penat. Kalau sitting allowance RM75, tadi Yang Berhormat Datuk Rahim membandingkan orang beri tips di karaoke. Itu tidak patut dibandingkan dengan karaoke sebab kita di sini tidak payahlah kata ada muzik. So, bercakap tanpa muzik, tidaklah mahal sangat! Ya tak?

Ataupun yang mengendalikan Dewan ini ialah Tuan Yang di-Pertua, bukan GRO! Jadi, berbeza lah elaan nya itu. Tetapi tinggal lagi, saya kira amat wajar. Tengok macam saya ini, bercakap berpeluh-peluh ini! Tidak ada masalah, tidaklah kita ungkit soal elaan. Cuma tinggal lagi biar rakyat tahu bahawa itulah kedudukan. Kalau pun tidak dinaikkan, itu terpulang kepada pihak kerajaan.

Cuma kita hendak rakyat tahu bahawa apa yang diperolehi oleh anggota Dewan Rakyat dan anggota Dewan Negara sebenarnya tidak sebagaimana rakyat fikir. Rakyat dok ingat, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat cukup kaya, pendapatannya banyak sebab namanya Yang Berhormat. Oleh kerana namanya Yang Berhormat, di mana-mana sahaja disebut Yang Berhormat, maka mereka menganggap ini kumpulan atau golongan yang berada.

Jadi, kalau beri derma RM50, di belakang dia mengata. Tidak beri pun tak kena! Jadi, bagi kita semuanya ikhlas. Maka sebab itu saya kira wajar sungguh kalau boleh, dipertimbangkan dengan apa yang telah diputuskan baru-baru ini. Ini sudah diputuskan. Jadi kita minta kalau hendak dinaikkan, kena buat akta baru. *[Ketawa]* Tetapi tidak apalah, sekurang-kurangnya kita bercakap hari ini, mungkin setahun dua lagi kerajaan boleh timbangkan dan orang lain pula merasa. Tidak menjadi hal bagi kita.

Walaupun ada orang kata pendapatan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara itu tidak dicukai. Itu untuk pendapatan bulanan sahaja, yang lain kalau masuk, kena cukai, serupa itu juga. Kalau menjadi anggota Lembaga Pengarah agensi kerajaan mana-mana pun dicukai, mesti bayar cukai. Yang tidak dicukai ialah pendapatan bulanan, itu sahaja. Yang lain kena bayar cukai. Tetapi seronoklah kalau duduk di dalam kerajaan, lainlah bezanya. Maknanya kalau pergi merasmikan persidangan atau mesyuarat, sekian-



sekian kilometer dari pejabat boleh claim. Betul tak? Betul tak, Yang Berhormat? Betul! Kena lagilah!

Jadi, yang lain, sudah ada. Teruklah kalau dibandingkan dengan yang biasa macam kita ini! Saya sempat menjadi Ahli Parlimen selama 2 bulan. Pecah rekod! Tidak pernah lagi orang menjadi Setiausaha Parlimen selama 2 bulan, sampai kepada peringkat menjadi Setiausaha Parlimen, tidak sempat menjawab soalan satu pun. Sudah dilantik, selepas itu Dewan Rakyat dibubarkan, kalah terus berhenti! *[Ketawa]* Tak sempat! Alhamdulillah, bolehlah juga pencen! Bolehlah juga pencen. Itu saya berterima kasihlah dengan sistem saraan yang dibuat oleh kerajaan. Tetapi yang saya sebut ini ialah bulanan.

Saya hendak mengelakkan supaya tidak berlaku nanti ada pihak-pihak tertentu oleh kerana tidak cukup pendapatan hendak menanggung beban tugas mereka, takut-takut nanti bukan mereka hendak menyeleweng, tetapi terpaksa, didorong oleh perkara-perkara yang di luar daripada kemampuan mereka, maka mereka melakukan sesuatu yang tidak sihat. Maka lebih baiklah Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini diberi kemudahan yang secukupnya. Bukan banyak, tetapi sekurang-kurangnya samalah dengan Ketua Pengarah di jabatan-jabatan kerajaan, tarik sedikit kedudukannya, kemudahan-kemudahan lain selain daripada elaun bulanan.

Kalau tak hendak beri elaun bulanan lebih pun, sekurang-kurangnya kemudahan-kemudahan lain seperti peruntukan dari segi pembangunan diletakkan, cukup tahun bolehlah berehat, penat-penat kerja setahun, hendak juga bercuti. Kalau yang berduit macam Yang Berhormat Datuk Rahim Baba ini, Pengerusi Gula Perak Dynasty. Kalau tidak pergi keluar pun, dia sudah ada suite sendiri, *[Ketawa]* di Jalan Ipoh dia boleh gunakan hotel itu. Kita macam mana? Kepomponglah! Kepompong!

Kalau Yang Berhormat Haji Hassan Ali ini, macam mana? Tinggi-tinggi, pada dia, datang dari Kuala Terengganu ke Kuala Lumpur, macam Datuk Rahim Baba - Kuala Lumpur ke Londonlah, bezanya! Itu dia. Ataupun boleh kita kategorikan yang senang-

senang itu kita letakkan di sebelah, kita ambil yang susah-susah. Bahagi dua. Sekurang-kurangnya.

Saya bercakap ini perkara yang realistik. Sungguh-sungguh realistik. Penat betul, Tuan Yang di-Pertua. Penat sungguh. Siang malam, siang malam, derma tak usah kiralah. Tanya Yang Berhormat Datuk Kumaran, betul tak? Dia pun setuju di dalam kerajaan. Derma tiap-tiap hari, tiap-tiap minggu. Tak beri, hendak kena beri juga. Khususnya di Kelantan. Waktu PAS memerintah sekarang ini lagilah teruk kita kena derma! Teruk betul. Penat betul!

Sekarang ini tak tahulah, kalaulah ada beberapa kakitangan Majlis Perbandaran Kelantan kena pecat kerana show cause, mungkin mereka akan datang kepada kita minta tolong dari Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara dari Barisan Nasional. Betul. Bertumbuk lima hari berturut-turut. Mana ada orang bertumbuk 5 hari berturut-turut?

*[Ketawa]*

Lima hari berturut-turut bertumbuk sampai berjahit atas dahi, luka parah. Dia kena show cause dekat 200 orang yang saya dengar. Ini macam mana? Tentulah akhirnya mereka datang menemui Ahli-ahli Parlimen yang prihatin seperti Barisan Nasional, PAS tak tahulah.

Itulah sebab saya kata tanggungjawab ini penting. Jadi, sebab itulah saya harap kerajaan dapat mempertimbangkan rungutan-rungutan ini bukan sebagai satu desakan, tidak. Saya harap ini bukan satu desakan hanya sebagai pertimbangan yang wajar supaya Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara yang berada di luar kerajaan boleh memainkan peranan yang lebih aktif dan kemudahan mereka setimpal dengan peranan yang mereka pikul dari segi tanggungjawabnya.

Kalau ini dapat dilakukan, Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, insya-Allah kerja-kerja kita akan lebih meningkat ataupun kurang sedikit imbuhan dari kalangan kakitangan kerajaan terutamanya anggota-anggota ini diseimbangkan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Setiausaha Parlimen pun nampak bersetuju sangat tidak tahulah berani atau tidak beliau bawa balik cadangan-cadangan ini, wallahualam.

Jadi, kalau berjaya saya doalah moga Allah Subhanawataala panjangkan umur, murahkan rezeki kena naik pangkatlah Yang Berhormat, lebih lagi. Insya-Allah, akan bertanding sekali lagi, itu Dato' Zuki yang cakap [*Ketawa*] Ini sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Haji Hassan bin Ali.

**5.22 ptg.**

**Tuan Haji Hassan bin Ali:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan menyambung rintihan dan keluhan yang telah disuarakan oleh sahabat-sahabat kita dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang memperkenalkan saya iaitu ahli Dewan Negara yang terdaif [*Ketawa*]. Terima kasih.

Itulah satu kenyataan dan pernah saya memperkatakan kedaifan saya ini dalam Dewan yang mulia ini, alhamdulillah kerana nikmat kedaifan, ilmu kedaifan inilah telah membentuk satu peribadi dan kerana kedaifan inilah saya dapat duduk dalam Dewan yang termulia ini. Dewan yang termulia, elaun terendah [*Ketawa*].

Kita bercakap soal maruah pada petang ini. Apabila kita bercakap soal maruah maka songkok hendaklah diletak di kepala. Bukan songkok diletak di kepala lutut tetapi diletak di kepala. Bagi Dewan tertinggi di negara ini, songkok umpamanya. Kita mendengar ucapan, keluhan tiga orang Yang Berhormat ahli Dewan Negara, saya amat bersetuju sekali dengan had yang diberikan kepada ahli Dewan sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara untuk memberi sebuah kereta RM25 ribu.

Dalam jangka masa amat pendek sekali iaitu bagi orang yang terutama dua tahun setengah sahaja, kalau pinjam RM25 ribu terpaksa membayar lebih kurang RM1,124. Potong sumbangan kepada Barisan RM150, potong kepada UMNO RM150 jawabnya elaun yang dapat ke tangannya RM1,500. Nasib baik saya beristeri seorang ada hasratnya untuk menambah tetapi ekonomi tidak mengizinkan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat berkata tadi, sebabkan elaun akan kurang ini nasib baik dia beristeri seorang. Adakah bermakna kalau elaun itu bertambah, dia akan beristeri dua? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Hassan bin Ali:** Hidup di atas dunia ini hanya satu kemungkinan, mungkin berdua, mungkin bertiga tetapi mungkin yang seorang itu sahaja. Kemungkinan adalah satu perkara dalam hidup kita. Memanglah saya faham orang yang bertanya itu lebih berminat untuk menambah isteri tetapi memikirkan atas kekuatan sahaja masih terhad.

Jadi, kita bincang soal pinjaman kenderaan, potongan dan sebagainya. Kita hendak memberitahu kepada rakyat, sekarang ini musim hujan di sebelah Pantai Timur,

apabila yang berhormat melawat Pusat Pemindahan Banjir, saya pada pagi Jumaat lepas bila nampak kereta Yang Berhormat ada datang semuanya angkat tangan dari jauh lagi. Dalam kepala mereka berfikir bahawa Yang Berhormat ada membawa habuan tetapi kalau yang datang itu pegawai kerajaan itu tidak ada masalah. Ini bersyarah ini, cakap Terengganu.

Jika cakap ini diajar oleh orang kampung, masakan begini, maaf Tuan Pengerusi, bila cakap Terengganu nampak orang terpinga-pinga. Saya terpaksa cakap bahasa surat bercampur Terengganu. Apabila wakil rakyat ataupun Yang Berhormat pergi, setiap individu yang dipindah itu terfikir di kepalanya, berapa puluh ringgit habuan yang mereka akan terima.

Kata orang walaupun dalam kedaifan, walaupun dalam rintihan dan tangisan terpaksa hamba yang daif ini menghulur walaupun sedikit. Maka saya harap Setiausaha Parlimen jangan alhamdulillah sahaja, tetapi dengan praktikal dan amalan. Kita kena kira sebab itulah saya fikirkan bahawa bukan sahaja kereta pinjaman perumahan, kata orang Terengganu 'kerah rumah teres saja'.

Jadi, kalau kita fikirkan bahawa seorang ahli Dewan yang membuat undang-undang yang dihormati dan disegani akan tetapi ekonominya tidak seberapa. Dia hendaklah ditimbang. Bukanlah asal kami menuntut hak tetapi kami bercakap soal maruah negara dan maruah Dewan yang mulia ini.

Saya harap Setiausaha Parlimen jangan tulis sahaja, bila saya bercakap dia bertulis, takut dia ambil pen dia goyang-goyang macam itu sahaja. Dia tidak tulis apa pun. Saya harap ambillah apa-apa yang patut dan sebenarnya bukan kita membangkitkan soal, apa yang perlu kita dapat, soal maruah yang perlu dijaga. Kalau dibandingkan ahli Dewan

Negara apabila kita bercakap dan merayu dapatlah peruntukan RM100 ribu tiga tahun tetapi kita tahu ahli Dewan Rakyat tiga tahun hampir RM1juta.

Setiap daerah dia menuntut atau setiap kawasan Parlimen menuntut kerana kita ini kononnya ahli Dewan Negara yang dilantik oleh negeri mewakili negeri katanya. Maka mesti mengagihkan peruntukan itu tambahan pula peruntukan-peruntukan itu diumumkan dalam Dewan. Semua rakyat tahu, diumumkan dalam Dewan yang mulia ini. Semua rakyat tahu bila masanya hantar rayuan dan sebagainya. Kalau diumumkan RM1juta baru munasabah diumumkan dalam Dewan ini tetapi ini RM100 ribu selama tiga tahun. Hendaklah dikaji balik dan ditimbang apa-apa yang telah dipernyatakan tadi.

Kadang-kadang kita terasa, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim telah keluar, dia kata, dia bukan manusia yang jenis berasa malu, tetapi kita menjaga maruah dalam majlis yang tertentu Ahli-ahli Dewan Negara dijemput mewakili dewan tertinggi, tetapi kerusi diletak barisan yang belakang. Ini seolah-olah sesuatu jawatan yang disebut sahaja mengenai kedudukan yang tertinggi tetapi dari segi amalannya tidaklah seberapa.

Saya harapkan supaya dibuat sesuatu yang dapat mengadilkan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat sekurang-kurangnya dapat disamakan elaun. Kenapa, Ahli-ahli Dewan Negara ini kurang sangat diletak dalam ahli-ahli jawatankuasa yang tertentu di peringkat anak-anak syarikat, kalau ada pun jarang-jarang, tetapi Ahli-ahli Dewan Rakyat yang lebih. Sebab itulah saya harapkan janganlah ada perbezaan yang amat ketara, bukan soal malu, tetapi soal maruah harus dijaga. Barang siapa yang menjaga maruah orang lain, insya-Allah maruah dia akan terjaga sama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

**5.42 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama dengan rakan yang lain untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin sentuh satu perkara sahaja iaitu mengenai peruntukan yang telah pun diberikan kepada kita iaitu RM100 ribu untuk satu penggal. Walau bagaimanapun, sebelum itu saya ingin juga bercakap sedikit, oleh kerana tadi pun diusik oleh rakan saya di sebelah ini Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba mengenai perlantikan Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong perlantikan Timbalan Yang di-Pertua bagi Dewan Negara ini. Ini adalah kerana saya pernah mengganti dan ambil alih tugas, sebagai apa yang Tuan Yang di-Pertua lakukan sekarang, tetapi saya sedar bahawa ini adalah satu caranya kita mengekalkan maruah dan martabat Dewan ini. Oleh kerana dalam beberapa masa apabila Tuan Yang di-Pertua sendiri tidak ada di sini dan yang lain pun tidak ada, maka ada sedikit kelam kabut di mana Tan Sri Yang di-Pertua hendak keluar ataupun hendak berehat ataupun Tuan Yang di-Pertua kita yang dahulu, kita nampak jelas sangat ada sedikit kelam kabut.

Saya rasa sangat sedih apabila melihat keadaan yang sebegitu, oleh kerana Dewan kita ini adalah dianggap sebahagian daripada Parlimen yang mempunyai sistem yang sepatutnya begitu elok, berjalan dengan lancar, maka apabila berlaku sedikit kelam kabut seperti gantian kepada Tuan Yang di-Pertua maka kita rasa sebagai Ahli Dewan yang mulia ini tidaklah begitu elok untuk mengekalkan maruah kita.

Saya juga ingin menyatakan sokongan saya mengenai perlantikan Setiausaha Dewan Negara, walaupun beliau yang menjawat jawatan sekarang telah pun diluluskan perlantikan sebagai pemangku sahaja, saya rasa eloklah sekali untuk melantikkan beliau menjawat jawatan itu sebagai full pledge, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pengesahan sama ada Setiausaha sekarang ini sebagai pemangku ataupun sebagai Setiausaha. Sebab dalam surat-menyuratnya dia tulis Setiausaha Dewan Negara?

**Tuan Ding Seling** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini saya tidak boleh menjawabnya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawabnya nanti. Boleh Yang Berhormat ?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya.

**Tuan Ding Seling:** Kita tolak ya? *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit mengenai peruntukan RM100 ribu yang telah pun diluluskan bagi kita untuk satu penggal. Mengenai perkara ini, saya berterima kasihlah oleh kerana ini adalah satu penghargaan juga kepada kita walaupun banyak yang telah diperkatakan mengenai amalnya oleh beberapa rakan saya yang sebelum saya ini. Yang saya ingin sentuhkan ialah cara kita untuk menyampaikan kepada target group ataupun kumpulan sasaran.



Mengikut apa yang kita telah diberitahu, projek yang kita luluskan itu hendaklah dibeli oleh pihak kontraktor ataupun melalui pembelian orang-orang yang telah diluluskan untuk menyampaikan bahan projek itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ianya dilakukan seperti ini, saya rasa kebanyakan tidak kurang daripada 50% wang yang telah kita luluskan itu nanti tidak akan sampai kepada kumpulan sasaran oleh kerana kos untuk pengangkutan dan juga handling, dengan izin akan menelan beberapa amaun yang telah kita luluskan, khususnya bagi kita yang dari tempat pedalaman. Sekali lagi saya sebut di tempat saya di Sarawak, apabila kita luluskan projek biasanya untuk kampung-kampung yang jauh di pedalaman seperti pembelian zink ataupun bahan pembangunan yang lain dan tempat itu juga memang jauh dari tempat di mana bahan itu boleh dibeli, seperti di Miri ataupun Marudi di tempat-tempat yang tidak kurang daripada dua, tiga hari perjalanannya kalau menggunakan bot.

Oleh itu, kita rasa apabila amaun yang diberi sekiranya RM10 ribu tidak kurang daripada RM3 ribu atau RM4 ribu yang ditelan oleh perbelanjaan untuk membawa perkara itu terus ke tempat itu kerana mereka yang diberi projek itu juga harus datang membelinya dan ini akan menelan banyak belanja untuk membeli bensin untuk perjalanan mereka dan juga untuk menyara mereka dalam dua, tiga hari untuk perjalanan itu.

Jadi, saya ingin cadangkan bagaimanakah kalau kerajaan boleh meluluskan, kita berikan peruntukan itu dalam bentuk cek, bukan dalam bentuk wang, janganlah melalui kontraktor supaya kumpulan sasaran apabila dilulus RM10 ribu ataupun RM1 ribu atau RM2 ribu mereka akan sebenar-benarnya menerima amaun yang telah pun diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat cadangan yang begini, oleh kerana saya sebagai seorang ahli persatuan, dalam persatuan saya ada banyak lagi persatuan kecil di

mana apabila mereka mendengar telah diluluskan, diberi peruntukan ini sebanyak RM10 semua yang di bawah persatuan di dalam lingkungan persatuan saya tadi telah pun menuntut, semuanya yang telah menuntut tidak kurang daripada RM5 ribu. Apabila saya jumlahkan bilangan ini lebih daripada RM100 ribu. Selain daripada itu ada juga kumpulan lain yang menuntut seperti Persatuan Rumah Orang Buta dan sebagainya, maka apabila kita lihat ini terlebih, kita pun takut bagaimana hendak edarkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah rasionalnya saya ingin cadangkan supaya dipertimbangkan oleh pihak kerajaan, kita boleh membahagikan wang ini dengan melalui cek bukan cek kita sendiri, memang cek kerajaan, kita hantarkan permintaan itu, kalau diluluskan 100% atau 50% atau berapa sahaja, jadi, amaun itu sebenarnya diterima oleh mereka dalam yang menerimanya supaya mereka tahu bahawa inilah amaun duit yang mereka dapati.

Saya tidak mahu bahawa pihak-pihak kontraktor, walaupun kotraktor orang tempatan di Sarawak atau di tempat-tempat pedalaman itu akan mempermainkan dan menyalahgunakan peranan mereka sebagai kontraktor untuk menelan ataupun menggunakan wang-wang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya ingin menyatakan sokongan saya untuk Akta ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuan Haji Sairin.

**5.42 ptg.**

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang ini dalam membahaskan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1980.

Saya amat bangga mendengar cadangan dan pandangan dari rakan-rakan yang sebenarnya pada hemat saya memanglah patut diambil perhatian dan diambil tindakan

wajar oleh pihak-pihak berwajib dan berkenaan. Pertama, saya rasa memang sudah tepat pada waktunya. Kalau kita lihat dan kita membuat satu perbandingan ringkas, walaupun barangkali ini tidak begitu elok untuk kita sebut, tetapi bila sebut Dewan Negara, kita mewakili negara dan secara kebetulan, kalau saya dari Sabah ini - memang satu-satunya dari Sabah, ke mana-mana juga kita pergi kita akan diberi penghormatan selaku ahli Dewan Negara yang lebih kurang dengan Ahli Parlimen ataupun Dewan Rakyat.

Kalau kita lihat dari segi gaji atau elaun yang diberikan memang tidak wajarlah, sebab kita di Dewan Negara mendapat elaun berjumlah RM3 ribu kemudian Ahli Dewan Rakyat mendapat RM4,800. Saya kurang pasti apakah ukuran yang digunakan, sebab yang kita fikirkan ini ialah jangka panjang kesamarataan sesama kita. Mungkin hari ini ramai rakan kita yang berada di sini, kemudian selepas itu kita akan berpindah di Dewan Rakyat - Wallahua'lam. Ada juga rakan-rakan kita yang dari Dewan Rakyat berpindah ke Dewan Negara seperti Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim Ali dan memang wajar kita tidak memikirkan bahawa apa itu Dewan Rakyat dan apa itu Dewan Negara, tetapi sekurang-kurangnya kesamaan itu mesti kita fikirkan dari sekarang.

Apalah sangat kalau kita kira elaun RM75 untuk 4 jam, kemudian bila kita lihat bahawa tugas kita juga tidak dapat kita nafikan bahawa ia adalah lebih kurang penting. Kalau ada yang mengatakan kita rubber stamp, cuba bayangkan kalau kita tidak setuju? Apa jadi? Ahli Dewan Rakyat pun huru-hara juga dan ini satu perkara yang tidak mungkin akan berlaku, makanya kita kena bincangkan secara dari hati ke hati dan membuat cadangan apa juga yang patut.

Saya teringat pada tahun lepas, secara kebetulan, kita berpeluang berjumpa dengan Timbalan Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Dato' Ali Rustam. Kemudian, dalam

kunjungan itu Ahli-ahli Parlimen dari Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah merayu dan meminta agar ahli-ahli Parlimen mendapat potongan tiket kapal terbang (pengangkutan) - tidak kira dari mana, untuk sekeluarga. Maknanya, suami dan anak-anaknya (keluarganya). Alhamdulillah, kalau tidak silap saya 25% diperuntukan. Kalau kita dari Sabah dan Sarawak, 25% itu cukup besar dan bila perkara ini atau potongan ini telah dibuat, Alhamdulillah, dapatlah kita bawa anak-anak kita dan keluarga kita ke sini dengan kadar potongan yang saya rasa cukup baik dan menggalakkan. Jadi, terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan, terutama kepada Yang Berbahagia Dato' Ali Rustam.

Jadi, kalau kita imbas kembali, RM3 ribu dengan RM4,800, saya ingat tidak juga begitu jauh bezanya, tetapi bagi kita, saya rasa perbezaan RM1,800 ini memang besar. Jadi, apa salahnya saya juga ingin mencadangkan di sini supaya kalau Ahli Dewan Rakyat mendapat RM4,800 kita juga memohon supaya itu diberikan kepada kita. Sebagai contoh, secara kebetulan - saya ada bawa. Saya lihat di sini ada disebut elaun pemandu kereta - RM300 - elaun, bukan gaji, tetapi, saya difahamkan kalau di Kuala Lumpur ini, kalau pemandu hari ini, kalau tidak ada RM1 ribu jangan harap hendak menjadi pemandu. Lain kesnya dengan kerajaan. Kemudian kita ambil di negeri Sabah dan Sarawak - memang lebih kurang - pemandu gajinya sekurang-kurang RM500. Jadi, elaun RM300 ini saya rasa memang sudah sepatutnya dikaji dan di- naikkan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan keraian. Keraian Ahli Parlimen di sini - RM350. Saya ingat kalau seorang Pengarah atau Pengerusi, lebih daripada ini yang mereka dapat. Ini juga saya rasa sudah sampai waktunya untuk dinaikkan lebih daripada ini - fikirlah yang patut-patut. Kalau pun tidak sama dengan Ahli Dewan Rakyat, tetapi

lebih kurang, jangan terlalu jauh bezanya. Begitu juga kalau kita lihat, saya tidak tahu, kalau tidak silap saya, ada ramai rakan dari Ahli Dewan Negara, begitu juga dengan Dewan Rakyat, pernah mencadangkan supaya diadakan liputan. Bukan hanya semasa Yang di-Pertuan Agong ada di sini ataupun di masa-masa tertentu, kita mahu - saya ingin cadangkan supaya RTM, begitu juga dengan surat-surat khabar yang ada di negara kita ini membuat liputan yang adil.

Kalau boleh saya katakan - barangkali keterlaluan jika saya mengeluarkan ini, tetapi kita perlu berterus terang bahawa Dewan Negara saya lihat dua, tiga hari tidak ada keluar, yang keluar Dewan Rakyat, balik-balik Dewan Rakyat. Kita ini Ahli Dewan Negara kenapa seolah-olah kita diketepikan? Jadi, ini juga saya minta, RTM walaupun dia tidak membuat siaran langsung, anak-anak kita dan rakyat kita di seluruh negara ingin melihat pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh kerajaan, yang dipilih oleh rakyat agar sekali sekala kita adakan liputan, kalau pun barangkali tidak secara siaran langsung, buat rakaman. Kalau badminton boleh membuat rakaman, tidak apa. Kenapa kalau pukul 11.30 malam atau 12.30 malam, bila orang sudah tidak mahu lagi, tetapi sebaiknya ada waktu tertentu kita adakan, dimana yang sesuai, sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara adakan sesi rakaman Persidangan Dewan Rakyat, rakaman Persidangan Dewan Negara -beri peluang ini. Pemimpin-pemimpin kita pun lain citarasanya. Kalau kita sudah bercakap dan kemudian nampak dalam TV - Oh! itu bapa saya, oh! Itu atuk saya, itu emak saya, itu nenek saya dan sebagainya.

Kita pun, bila kita bercakap mana-mana yang patut, janganlah ambil yang tidak patut, buat rakaman yang sesuai untuk didengar oleh rakyat kita di seluruh negara. Kita bukan lama, dalam setahun kita cuma bersidang 3 atau 4 kali. Takkan dalam tempoh 4 kali itu kita tidak boleh buat? Bukanlah kita mahu samakan, tetapi kita tengok setiap acara badminton, sebagai contoh, ada sahaja siaran langsung ini. Kalau pun tidak secara langsung, dia buat rakaman. Jadi, saya rasa kita adalah orang-orang yang terpenting di Malaysia. Kenapa kita tidak buat begini? Jadi, saya minta pihak RTM, kalau boleh, begitu juga dengan surat khabar, buatlah liputan terbaik yang boleh dibuat agar

masyarakat kita dan rakyat kita di pedalaman dan di mana-mana siaran boleh diikuti, kecuali di tempat saya di Pansiangan, yang TV belum mendapat apa-apa siaran, boleh dibuat. Kalau tidak, radio pun boleh - radio dan televisyen. Ini, radio pun kadang-kadang ada, itupun hanya Dewan Rakyat, Dewan Negara dianak tirikan.

Jadi, kita mintalah kesamarataan ini patutlah dikaji dan dilihat secara positif, sebab yang kita cadangkan ini pun demi untuk kebaikan negara dan rakyat kita yang tercinta.

Seperkara lagi yang saya ingin menyentuh barangkali tidak begitu sesuai jika saya buat perbandingan, tetapi sekadar perbandingan saya rasa tidak menjadi kesalahan.

Mengenai pinjaman perumahan, kalau di negeri Sabah Member of Parliament (Ahli Dewan Rakyat), mereka diberi pinjaman oleh kerajaan negeri kalau tidak silap saya sebanyak RM300 ribu untuk seorang M.P. Kemudian Ahli Dewan Negara, alhamdulillah pinjaman lebih kurang sama, pun dapat RM300 ribu. Jadi, kalau kita lihat Kerajaan Malaysia kita adalah sebuah kerajaan yang sudah cukup istimewa dikagumi, digeruni, dihormati oleh seluruh dunia, malah menjadi model kepada beberapa negara. Bila RM75 ribu ini disebut seperti kata Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba dan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali serta rakan-rakan yang lain, apa yang kita boleh buat dalam keadaan sekarang dengan RM75 ribu? Sudah berapa lama perkara ini berlarutan, RM75 ribu sahaja, jadi saya yakin setiap tahun perkara ini dibangkitkan.

Jadi, kita mohonlah dalam super corridor atau dalam globalisasi yang akan datang, yang semakin mencabar di abad ke-21 ini janganlah lagi tulis RM75 ribu, kalau boleh tambahlah supaya menjadi RM275 ribu. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, pinjaman kenderaan. Saya berpendapat dan saya rasa memang perkara ini menunggu waktu barangkali selepas Dewan Negara ini bersidang, selepas ahli-ahli di sini memperkatakan

soal kenderaan, semua tidak setuju. Apa yang kita boleh buat dengan RM25 ribu? Barangkali kita hanya mampu membeli motosikal Scrambler yang berkuasa tinggi. Kalau RM25 ribu - malah ada motosikal yang berharga RM100 ribu. Jadi, kalau boleh kenderaan ini, jika bersesuaian biar berilah sekurang-kurangnya RM70 ribu atau barangkali sama dengan harga kenderaan, sebab Proton Perdana pun sudah lebih daripada RM70 ribu harganya. Jadi, kita ambil yang di tengah-tengah iaitu saya cadangkan supaya pinjaman ini bolehlah diberi sebanyak RM70,000 Dato' Setiausaha Parlimen, mudah-mudahan ini boleh diluluskan, kalau dapat ditinggikan sedikit, saya ingat lagi elok.

Tuan Yang di-Pertua, ....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak tanya rakan saya ini, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan, jika susah kerajaan hendak beri RM75 ribu daripada RM25 ribu, apa kata kalau kerajaan beri kereta? Macam kerajaan beri kereta kepada anggota kerajaan (anggota Kabinet), maknanya setiap Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara entitle sebuah kereta. Bila kerajaan bawa masuk beri kenderaan, jadi dia tidak payah bayar cukai, seperti S320 yang dipakai oleh anggota Kabinet, bukanlah kereta besar atau yang kecil, maknanya kereta itu diberi oleh pihak kerajaan. Apabila sudah tamat berkhidmat kita pulangkan balik kepada pihak kerajaan.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Saya setuju bila Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali ini dipanggil pemimpin 'gedebe'. *[Ketawa]* Saya amat setuju, itu lagi best, dengan izin, itu lagi baik.

Untuk makluman di negeri Sabah, pengerusi-pengerusi syarikat tertentu, what I mean sebagai contohlah, secara kebetulan saya adalah pengerusi Unit Hal Ehwal Bumiputera Sabah. Saya diberi sebuah kenderaan Volvo 940, kemudian sebuah Ninja

dipinjamkan. Apabila tamat jawatan saya, sebab jawatan ini kontrak, kerajaan mengambil balik kenderaan itu - memang kita berilah. Maksudnya saya setuju dan saya amat menyokong penuh dengan pandangan dan cadangan pemimpin 'gedebe' kita di sini iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali supaya perkara ini dilaksanakan - kalau boleh.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, yakni berkenaan dengan kemudahan bercuti. Saya lihat kemudahan bercuti ini untuk kakitangan kerajaan terutama yang saya lihat di negeri Sabah dan Sarawak, guru-guru apabila berkhidmat sampai 3 tahun atau pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berkhidmat sampai tempoh 3 tahun dia diberi tambang percuma untuk kapal terbang, suami- isteri atau isteri-suami dan anak-anak - isteri-isteri saya kurang pasti. Tetapi yang saya tahu suami-isteri dan anak-anak. Jadi, kenapa yang kita di sini sebagai Ahli Dewan Negara ini juga belum diberi kepada kita. Saya pun baru 7 atau 9 bulan memegang jawatan ini, jadi saya kurang pasti, tetapi kalau ini belum dilaksanakan saya juga turut mencadangkan bersama dengan kawan-kawan lain supaya pakej kemudahan bercuti untuk Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara ini diberikan, soal business class atau first class itu terserahlah, yang penting diberi. Kalaupun economy class, sebab ini adalah pemberian - saya setuju, cuma saya tidak setuju, bila kita membuat lawatan, bila kita mengikuti misi kerajaan ke negara-negara luar seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba tadi, kalau economy class jatuh kita punya standard - economy class. Walaupun jatuh standard, tetapi sama juga sampailah, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi yang first class, yang business class dengan yang low class- lain sedikit, orang lain first class, business class dia jalan



oh, segak! Yang kita pula terpaksa tunduk-tunduk dan kadang-kadang menyorok, sebab kadang-kadang kita merasa segan. Ini adalah misi negara. Kalau misi negara seperti ini saya memang bersetuju paling kurang pun diberi business class.. .....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno, tadi disebut soal economy class ataupun business class, bukan kerana standard, tetapi kita Ahli-ahli Yang Berhormat ini bekerja untuk rakyat, jadi tidak timbul soal standard, tetapi sebenarnya oleh kerana perjalanan jauh. Contohnya dari Kuala Lumpur ke London, kalau duduk ekonomi kelas, sampai sahaja terus kena pergi mesyuarat, penat dan letih. Bukan kerana standard, itu tidak terbabit soal standard, soalnya penat.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik perkataan itu. *[Ketawa]* Sebab pemimpin ‘gedebe’ kita kena dengar juga.

Selain daripada itu .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang Sabah kata apa ‘gedebe’?

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang Sabah kata apa ‘gedebe’?

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** ‘Canggih’ *[Ketawa]* kalau bahasa di Sabah, yang biasa di kampunglah, ‘sangghih’.

Menyentuh soal peruntukan yang diberikan, ini juga berkali-kali kita jumpa dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, jadi kita mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga. Kalau tidak silap saya di masa perjumpaan itu kita minta RM300 ribu jadi sekurang-kurangnya RM300 ribu untuk satu tahun. Alhamdulillah diluluskan RM100 ribu untuk tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pengundi di tempat saya, kalau saya sebut barangkali sejumlah 38,000 orang, itu baru Parlimen. Ia punya besar sebesar negeri Melaka dan  $\frac{1}{4}$  Negeri Sembilan baru sama dengan satu kawasan Parlimen. Ini baru kawasan saya, kalau sebut seluruh Sabah sebab Ahli Dewan Negara lagi besarlah, cuma ini sekadar untuk menyatakan jumlah RM100 ribu. RM100 ribu kalau untuk 3 tahun, satu tahun RM33,333. Maknanya kalau satu hari lebih kurang RM93. Jadi setelah dikira dengan keadaan kos dan birokrasi yang nampaknya kadang-kadang sukar kita mahu memberikan projek. Misalannya saya di Keningau, kemudian saya mahu pergi ke Kinabatangan, secara kebetulan kita juga Ahli Dewan Negara dan memang pun dibenarkan untuk memberi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, kalau kita memberi sumbangan, sumbangan pun sedikit-sebanyak kita beri, mana yang patut kita beri. Jadi RM100 ribu ini memang jauh daripada mencukupi, tetapi saya mengucapkan berbanyak terima kasih sebab sudah diberi.

Pun begitu, saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan Dato' Setiausaha Parlimen kita dapat memperpanjangkan ini dan kalau boleh berilah RM300 ribu satu tahun.

Sebenarnya, untuk makluman Ahli Parlimen (Ahli Dewan Rakyat) di negeri Sabah tahun hadapan RM750 ribu peruntukan diberi, kemudian campur dengan peruntukan Parlimen RM500 ribu. Jadi, tidaklah kesamarataan itu dapat kita rasakan sebab mereka bertanding, alasan mereka barangkali kerana mereka bertanding, tetapi kita sama-sama ada rakyat, lebih kurang juga. Kalau tidak pun RM500 ribu tetapi kita minta supaya RM300 ribu. Walaupun Ahli Parlimen (Ahli Dewan Negara) saya ingat baru 69 pun belum cukup 69 baru 64 orang yang ada pada ini.

Jadi, saya rasa 63 kali RM300 ribu tidak juga banyak sangat. Saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita akan membantu kami untuk membantu kerajaan Barisan Nasional. Secara kebetulan kita di sini semua memang pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Jadi, RM300 ribu saya rasa memang patut untuk ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Pengerusi, barangkali kalau boleh kita berkongsi pandangan dan pendapat di sini, saya pun kadang-kadang mengerjakan solat di surau Parlimen di bawah ini, saya nampak memang baguslah. Bersih juga, okay juga. Cuma barangkali kalau dapat di 'up-to-date'kan sedikit keadaannya, di'upgrade' bukan up-to-date. Terima kasih. Jadi, kalau boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta, ada permintaan di sini.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Ya, sila.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Di'upgrade' dengan izin, *[Ketawa]* naik taraf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan izin, cakap Inggeris. *[Ketawa]* Diizinkan. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, di 'upgrade'kan. Betullah itu. Jadi, kalau boleh, saya lihat memang perlulah di 'upgrade', saya tidak mahu sebut bagaimana dan bagaimana.

Begitu juga dengan kantin kita, saya minta maaf. Kantin kita, kadang-kadang makanan tidak cukup. Terutama saya rasa daripada Sarawak, daripada Sabah atau dari Pantai Timur, Terengganu dan Johor, apabila mereka terbang sampai sini, langsung ke sini. Sebab masa kadang-kadang tidak mengizinkan. Bila sampai sini hendak makan,

yang tinggal hanya laksa penang. Kadang-kadang kita mintalah supaya pihak pengurusan barangkali apabila ada sidang, sama ada Dewan Negara atau Dewan Rakyat bersidang, sediakanlah makanan yang mencukupi. Begitu juga dengan kuih-muihnya dan barangkali buah-buahan. Sebab ini Dewan Negara, tempat Parlimen. Jadi, tempat Parlimen seumpama ini kalau boleh biarlah yang canggih-canggih, kalau tidak first class pun, biarlah yang bagus-bagus. Ada yang mahu bertanya? *[Ketawa]*

Jadi, saya ingat Tuan Pengerusi, begitu juga barangkali kalau dapat ada disebut tadi, kalau tidak silap saya semasa CPA dan ICU yang menentukan lawatan Ahli-ahli Parlimen. Jadi, saya tidak tahu, saya rasa saya bersalahlah apabila Yang Berhormat Datuk Rahim Baba mengatakan bahawa daripada tujuh orang yang dipilih, ketujuh-tujuhnya dari Dewan Rakyat. Kenapa kita dari Dewan Negara tidak ada perwakilan?

Keduanya, yang sebenarnya saya pun tidak tahu ada pemilihan yang seumpama itu. Jadi, saya merayulah kepada mereka yang ingin menjadi ahli jawatankuasa dalam CPA dan ICU yang akan menentukan lawatan ke mana-mana destinasi seluruh dunia, sepatutnya diberi kuota. Sekurang-kurangnya dua orang daripada Dewan Negara ini sama ada secara automatik, kalau tidak pun dua dilantik daripada Ahli Dewan Rakyat, dua dilantik daripada Dewan Negara dan lain itu dipertandingkan, tidak mengapa.

Jadi, sekurang-kurangnya nampak bahawa kita ada kerjasama. Ini kalau sudah CPA dan ICU ini, Ahli Dewan Negara seorang pun tidak ada wakil, macam mana? Setiap lawatan, kita bukan memandang serong kepada rakan-rakan di Dewan Rakyat, tetapi memanglah mereka akan beri keutamaan kepada orang-orang mereka. Bila sudah tidak ada tempat atau orang ini tidak dapat datang dan sebagainya, baru sahaja dicari Datuk Ibrahim Ali, Tuan Ding Seling atau sesiapa yang mereka fikirkan. Jadi, sekiranya

ada rakan kita yang menganggotai ini, atau yang telah kita tentukan dua-dua, kemudian yang lain itu kita berebut, saya rasa 'fair and square', dengan izin.

Tuan Pengerusi, jadi perlu kita ambil kira. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri sendiri pun mengatakan demokrasi akan menguntungkan kita, okay kita teruskan. Tetapi kalau menghancurkan kita, merugikan kita, untuk apa?

Tuan Pengerusi, jadi saya mohon supaya apa yang sebutkan ini, mudah-mudahan pihak yang berkenaan terutama wakil dari pihak kerajaan, Datuk Setiausaha Parlimen ada di sini, akan dapat memanjangkan apa yang telah kami cadangkan dan yang akan dicadangkan. Mudah-mudahan kata Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali dimakbulkan dan tahun depan sama ada yang sudah ditamatkan ataupun ada yang sudah pencen, tidak kisahlah. Sebab yang kita buat ini, yang kita mahukan ini adalah untuk masa depan, demi untuk kesejahteraan negara, bangsa dan Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Dengan ini, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, wanita dulu atau macam mana?

**Tuan Yim Chee Chong:** Wanita dulu, tidak apa ladies first.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay, Puan Kamalia. *[Ketawa]*

**6.08 ptg.**

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, banyak yang telah diperkatakan tentang masalah Ahli-ahli Parlimen. Saya ingin membahaskan rang undang-undang ini dari konteks peranan kita sebagai Ahli Parlimen. Kita tahu bahawa peranan Parlimen ialah untuk menjalankan kuasa

perundangan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 66 Perlembagaan. Kita juga tahu bahawa bidang kuasa Parlimen ialah di bawah Jadual 9 Perlembagaan Senarai Persekutuan dan juga Senarai Bersama - Senarai 3. Kita juga faham akan bahawasanya perundangan yang dibuat, yang diluluskan setelah dibahas oleh Ahli Parlimen, adalah merupakan perundangan yang boleh menentukan arah tuju, perilaku dan juga keadaan dalam sesuatu masyarakat. Kerana undang-undanglah yang mengatur cara hidup manusia dalam masyarakat. Dan kita juga tahu bahawa undang-undang juga memberi perlindungan kepada hak-hak sivil dan juga kepada hak-hak warganegara dalam bidang jenayah.

Justeru itu, Ahli Parlimen mempunyai tanggungjawab yang tinggi dan memikul amanah yang diberi oleh rakyat untuk menjalankan tugasnya di tahap sebaik mungkin oleh Ahli Parlimen. Untuk menjalankan tanggungjawabnya, mereka diberi saraan dan tentu sekali ada formulanya saraan Ahli Parlimen yang diberi sepertimana juga kerajaan membuat formula untuk gaji kakitangan perkhidmatan kerajaan. Kalau ramai yang telah bersungut tentang elaun-elaun yang tidak cukup dan sebagainya, mungkin saya boleh memberi satu contoh. Mungkin sedikit ekstrim iaitu apabila Saidina Abu Bakar As-Siddiq menjadi Khalifah, ia pernah memulangkan balik gajinya yang lebih, yang dianggapnya lebih kerana isterinya telah mampu membuat kuih yang dikatakannya tidak patut dimakan kerana ini menunjukkan bahawa apabila gaji yang diberi oleh Baitulmal itu berlebihan. Saidina Abu Bakar telah meminta supaya gajinya dipotong. Mungkin ini terlalu ekstrim dan mungkin ini keadaan yang berlainan.

Walau bagaimanapun, saya hanya ingin memberi contoh ini untuk kita sama-sama beringat, bahawa yang dipikul di Dewan ini ialah satu amanah rakyat untuk kita sama-

sama mengerjakan tanggungjawab kita. Kita juga tahu bahawa negara kini akan memasuki millinium 2000 dan kita juga tahu bahawa kita akan menghadapi cabaran-cabaran yang begitu penting terutama dalam era maklumat. Tentu sekali dalam masa kita meluluskan undang-undang, perlunya ketelitian dan perlunya satu profesionalisme daripada Ahli-ahli Parlimen. Untuk kita menjadi Ahli-ahli Parlimen yang lebih profesional, tentu sekalilah kita perlu bukan sahaja pergi membuat lawatan-lawatan sepertimana yang disarankan oleh rakan-rakan di dalam Dewan ini terlebih awal lagi. Tetapi kita perlu juga melihat kepada diri kita sendiri, bagaimanakah kita sebagai Ahli Parlimen, sebagai satu kumpulan boleh memantapkan lagi sumbangan kita, memantapkan lagi perbahasan kita, dapat kita memastikan bahawa undang-undang yang diluluskan itu adalah benar-benar akan mencapai matlamatnya untuk kebajikan rakyat yang kita wakili.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita tahu bahawa kita di sini sebagai ahli Parlimen adalah sama ada dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ataupun dipilih daripada negeri-negeri. Kita tahu juga bahawa sebagai wakil-wakil dari negeri, kita mempunyai satu tanggungjawab untuk mewakili isu-isu dari negeri-negeri kerana undang-undang yang dibentangkan adalah merupakan undang-undang Persekutuan yang akan terpakai di negeri-negeri, dan pastinya kita sepatutnya mewakili isu-isu sepertimana yang telah dilaksanakan oleh rakan-rakan di Dewan ini untuk memastikan isu-isu yang dibawa itu juga akan menepati kehendak-kehendak negeri.

Dalam konsep federalisme, pentadbiran negara perlulah kita pastikan ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan satu jawatankuasa diwujudkan untuk semua ahli Parlimen yang dipilih dari negeri-negeri untuk dapat digunakan jawatankuasa itu atau platform itu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk ahli-ahli membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang yang akan dibahaskan. Kerana perlulah wujudnya satu, dengan izin,

point of contact, satu perhubungan antara negeri dan Persekutuan, iaitu sepatutnyalah wujud satu jawatankuasa wakil-wakil dari negeri dan juga adanya perhubungan antara ahli-ahli Dewan Negara dengan rakan-rakan di negeri-negeri, terutama mereka dari ahli Dewan Undangan Negeri untuk dapat menyelaraskan rang undang-undang yang juga akan memberi implikasi kepada negeri-negeri.

Kita juga berharap dengan adanya jawatankuasa ini, sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim, bahawa perlu ada pegawai-pegawai sebagai pembantu-pembantu penyelidikan bagi ahli-ahli Parlimen supaya maklumat-maklumat yang lebih tepat dapat disampaikan bagi tujuan perbahasan rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu bahawa ahli-ahli Parlimen juga di sini merupakan mereka di bawah perkara 46, Perlembagaan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana mewakili kumpulan-kumpulan tertentu dan kumpulan-kumpulan tertentu ini perlulah diberikan ruang yang sewajarnya agar masalah-masalah mereka juga dapat dikemukakan. Untuk tujuan ini juga, memandangkan kita sebagai ahli-ahli Parlimen biasanya akan selalunya perlu membuat rujukan sendiri, perlu membuat penyelidikan tanpa pembantu-pembantu, tanpa perbincangan-perbincangan, adalah dicadangkan jawatankuasa-jawatankuasa bagi tiap-tiap kumpulan juga diwujudkan agar perbahasan dan pengemukaan isu-isu dapat disampaikan dengan lebih tepat agar kita dapat sama-sama menghasilkan perbincangan yang lebih bermutu. Kerana dengan adanya perbincangan ini, insya-Allah saya yakin kita akan dapat memberikan maklumat-maklumat yang lebih tepat.



Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai sistem pembentangan rang undang-undang. Kita didapati bahawa di dalam Dewan ini undang-undang biasanya akan dibentang dalam sesuatu sidang dan pada waktu itulah pihak kerajaan atau kementerian akan memberi sebab rang undang-undang itu dipinda ataupun rang undang-undang itu hendak dibahaskan untuk kelulusan. Walaupun kita biasanya dihantar rang undang-undang itu terlebih awal, tetapi secara keseluruhannya pembentangan rang undang-undang itu hanya diberi penerangan pada hari yang perlu diperbahaskan. Ini bermakna bahawa penerangan itu merupakan penerangan yang begitu singkat dan pada pandangan saya masanya tidak mencukupi untuk kita mendalami rang undang-undang yang akan diluluskan.

Saya berpendapat bahawa ada baiknya jikalau kita mewujudkan lagi sekali satu jawatankuasa bagi tiap rang undang-undang yang akan dibentangkan secara khusus untuk rang undang-undang yang berkenaan. Kerana dengan itu kita dapat mengetahui rang undang-undang itu dengan lebih teliti. Dan juga jikalau ianya merupakan pindaan rang undang-undang daripada undang-undang atau akta asal, kadangkala kita tidak dapat memperolehi akta asal tersebut, maka berlakunya satu ketimpangan untuk kita membuat analisa dan untuk kita mengkaji sesuatu rang undang-undang itu. Dan kita juga didapati bahawa tempoh masa yang diberi kepada Dewan Negara untuk membahaskan rang undang-undang juga adalah sangat tidak mencukupi kalau dibandingkan dengan tempoh masa yang diberi kepada Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa di peringkat Dewan Negara tiap-tiap rang undang-undang itu perlu dibicara dan dibahaskan secara terperinci. Dewan Negara adalah merupakan forum untuk ahli-ahli Parlimen membuat satu ulang kaji bagi apa yang

telah dibahaskan di peringkat Dewan Rakyat. Tentu sekali untuk keperincian yang lebih tepat, untuk menjadi satu tahap yang lebih tinggi mutunya, perlulah masa yang lebih untuk dapat kita membuat kajian dan penyelidikan. Mungkin perlu kita baca satu prosa demi satu prosa. Kerana kita tidak mahu satu rang undang-undang itu diluluskan dan setelah diluluskan kita didapati akan balik kepada Dewan selepas mungkin tujuh bulan ataupun satu-satu ketika. Contohnya, Akta Pengambilan Balik Tanah, ianya perlu diulang kaji balik semula dan perlu dibentangkan. Saya juga tahu Akta Keganasan Dalam Rumah Tangga juga terdapat beberapa pembetulan atau beberapa perkara yang perlu dibetulkan. Saya percaya juga ada rang undang-undang yang lain yang perlu dibawa balik.

Ini ialah mungkin kerana rang undang-undang yang dihantar itu mungkin rang undang-undang yang tidak dapat masa yang cukup, tidak dapat kualiti perbahasan, tidak dapat cukup maklumat, tidak dapat cukup penyelidikan. Mungkin ada, kita tidaklah mahu mengatakan bahawa rang undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, a half dead bills which within detail to be work out. Jadi, ini adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira. Saya percaya kita hendak memasuki era 2000 ini kita perlulah memberikan kualiti yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat saya juga ingin mencadangkan bahawa di antara ahli-ahli Dewan juga kita perlu menubuhkan kumpulan-kumpulan yang dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, specialized dalam satu-satu perkara. Ini mungkin telah ada wujud dengan sebab adanya ahli-ahli Dewan yang mewakili kumpulan-kumpulan yang tertentu. Tetapi juga saya percaya ada perkara-perkara yang memang seseorang itu mempunyai, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, specialization. Contohnya, rakan saya di sini, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz mungkin dia lebih peka kepada hal-hal ekonomi.

Jadi, mungkin kalau kita dapat ada satu sistem yang lebih baik, maka mungkin di dalam Dewan ini juga kita dapat memberi perbahasan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan untuk kita mempunyai kualiti yang lebih tinggi ini, perlulah kita melihat kepada kuasa yang diberi kepada Dewan Negara. Adalah diperuntukkan bahawa Dewan Negara mempunyai kuasa untuk menengguhkan satu rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Jadi, jika kita mempunyai satu rasa konsep persaingan untuk kualiti perbahasan dan untuk meluluskan rang undang-undang dengan apa yang dilihat dilakukan di Dewan Rakyat, dari segi rasa persaingan itu sebagai satu tanggungjawab kita tentu sekali kita akan lebih dapat melihat rang undang-undang yang akan diluluskan itu sama ada patut diluluskan atau tidak ataupun perlu ditangguh, kerana itu merupakan kuasa Dewan Negara untuk menengguhkan rang undang-undang, dihantar balik kepada Dewan Rakyat untuk dikaji semula.

Saya percaya ramai di antara kita bersetuju bahawa terpulanglah kepada kita untuk melihat kepada diri kita sama ada kita ini perlu dihormati ataupun tidak atau kita mungkin merasa kita lebih kurang standard daripada Dewan Rakyat. Sebenarnya Dewan Negara seperti mana kata Yang Berhormat Datuk Rahim tadi dia baca dari Perlembagaan, dia sebut dahulu Parlimen itu dianggotai oleh Dewan Negara. Kita juga tahu bahawa Dewan Negara itu sebenarnya mempunyai kuasa, terpulanglah kepada kita untuk meninggikan darjat kita, martabat kita di Dewan Negara ini sama ada kita dihormati ataupun kita rasa kita ini mempunyai bidang kuasa yang mana Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebenarnya adalah memikul tanggungjawab yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan iaitu perlunya dilantik seorang Timbalan Yang di-Pertua yang memanglah diperuntukkan di bawah

Perkara 56. Perkara 56 dalam Perlembagaan menyebutkan tentang Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, sepertimana yang dikatakan oleh rakan-rakan tadi bahawa memanglah sangat perlu kita ada Timbalan Yang di-Pertua kerana sepertimana disebutkan Tan Sri Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua, tetapi perlulah juga dibantu oleh Timbalan Yang di-Pertua bila mana diperlukan. Jadi, jikalau tidak ada diwujudkan peruntukan Timbalan Yang di-Pertua itu, saya rasa juga seperti rakan-rakan yang lain agak kurang betul atau tidak bertepatan yang dalam Dewan Negara tidak ada mempunyai Timbalan Yang di-Pertua walhal sudah ada peruntukannya.

Begitu juga dengan Setiausaha Dewan Negara, saya juga seperti rakan-rakan lain bersependapat bahawa sudah sampailah masanya jawatan itu disahkan, tidak lagi dipangkukan kepada pegawai yang sedang memangkunya. Adalah tidak adil bagi seseorang pegawai jikalau memang ada jawatan tersebut, tetapi tidak diberikan pengiktirafan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya berpendapat bahawa Malaysia ini adalah sebuah negara yang sentiasa menjadi contoh kepada negara-negara membangun yang lain. Kita dapati ramai pengunjung ahli-ahli Parlimen, contohnya baru-baru ini dari South Africa dan Namibia yang datang ke mari untuk berinteraksi dengan kita, berdialog dengan kita, malah mahu belajar daripada kita bagaimanakah kita menjalankan tugas kita sebagai ahli Parlimen. Mereka begitu memandang tinggi kepada pencapaian di negara ini, tentu sekalilah mereka memandang tinggi atas pencapaian Parlimen di negara ini.

Saya ingin mencadangkan bahawa sampailah masanya kita di Malaysia ini, ahli-ahli Parlimen di negara ini cuba memikirkan untuk memberikan satu role model, dengan izin, dan mungkin kita juga perlu sama-sama berfikir untuk reinventing Parlimen atau

dalam kata-kata Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim bahawa negara ini sedang melalui satu reformasi dan pastinya, Tuan Yang di-Pertua, reformasi ini juga akan juga merangkumi ahli-ahli Parlimen, merangkumi juga ahli-ahli Dewan Negara yang sepatutnya dalam tahun 1997 akan memulakan satu era baru bagi ahli-ahli Dewan Negara dan tidak lagi timbul masalah-masalah yang ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Negara itu dianaktirikan dan sebagainya.

Saya percaya dan yakin semua Ahli Yang Berhormat di sini adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu berpotensi dan berkaliber tinggi yang saya rasa kalau tidak berdiri sama tinggi dengan ahli-ahli di Dewan Rakyat malah mungkin merupakan akan menjadi ahli-ahli Parlimen yang terkemuka seperti Winston Churchill. Winston Churchill dikenali sebagai seorang ahli Parlimen yang begitu masyhur di dunia kerana perdebatan di Parlimennya yang begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Parlimen mana itu?

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** British Parliament.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, British Parliament. Apa namanya, sekali lagi?

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Winston Churchill, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, Winston Churchill.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Ya. *[Ketawa]* Itu di antara lainlah. Saya rasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir juga adalah seorang ahli Parlimen yang terkemuka kerana saya difahamkan semasa beliau menjadi ahli Dewan Negara, beliau merupakan seorang ahli Dewan Negara yang begitu aktif, yang banyak telah mempersoalkan cara pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jam sudah pukul 6.30 petang.....

**Tuan Yim Chee Chong:** Jam saya ada dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.  
*[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita boleh tangguh sehingga besok. Kita beri peluang kepada Yang Berhormat bercakap pada hari esok, ya.

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua lagilah, yang mana belum bercakap, boleh bercakap, kita menggalakkan.

Dewan ditangguhkan sehingga esok, jam 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***